

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 192 ● 25 NOVEMBER - 1 DISEMBER 2022 ● PP19441/12/2018 (035014) PERCUMA

www.wilayahku.com.my

 wilayahku.com.my Wilayahku @akhbarwilayahku Wilayahku WK TV

KL bandar raya gembira

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) komited untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya gembira.

Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL, Datuk TPr Sulaiman Mohamed berkata pendekatan yang diambil Kuala Lumpur dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) yang tertumpu pada tiga elemen utama iaitu sosial, ekonomi dan alam sekitar.

BERSAMBUNG DI MUKA 2



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



RRV permudah kerja menyelamat ketika bencana >> 9, 10 & 11



Rumah Residensi penuhi keperluan B40
=> 7



Pau Pak Ngah ketengah inti unik >> 16



Rasai pengalaman canting batik di Teja Arts & Crafts >> 21

DBKL tumpu tiga elemen utama sosial, ekonomi dan alam sekitar

Kuala Lumpur catat mata 7.1 dalam MHI

DARI MUKA DEPAN

AZLAN ZAMBRY

DBKL telah menetapkan fokus ini selari dengan visi Kuala Lumpur sebagai City for All, dan ia memastikan segala perancangan kita tidak meninggalkan sesiapa pun dalam mewujudkan bandar raya yang mampan dan berdaya tahan sekali gus menjadikannya sebagai sebuah bandar raya gembira atau *A Happy City*,” menurut Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL, Datuk TPr Sulaiman Mohamed ketika berucap semasa Majlis Perasmian Pembukaan Program SDG & Heritage Hunt Khamis lalu.

Indeks Kebahagiaan Malaysia (MHI) dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan (DOSM) menunjukkan bandar raya Kuala Lumpur berada di tempat ketiga dengan mencatatkan mata 7.1 dalam MHI.

Kuala Lumpur mempunyai pendapatan median bulanan tertinggi sebanyak RM10,549 dengan perbelanjaan kira-kira RM5,692 sebulan. Ini diterjemahkan kepada peratusan 54 peratus, salah satu yang terendah selepas Labuan dan Sabah.

Sebagai wilayah pusat bagi kebanyakan pekerjaan, terutamanya dalam kewangan, perbankan dan sektor perkhidmatan, mereka yang bekerja di sini mempunyai alasan



SULAIMAN (tengah) menyampaikan sijil penghargaan kepada peserta Program SDG & Heritage Hunt yang berlangsung pada Khamis lalu.

yang kukuh untuk gembira dengan pendapatan mereka.

Jelas Sulaiman, bagi merealisasikan aspirasi ini, DBKL telah mengorak langkah untuk menjalin kerjasama dengan Urbanice Malaysia.

“Syukur alhamdulillah, hasil kerjasama bersama Urbanice telah menyaksikan penubuhan sebuah Pusat SDG Kuala Lumpur, iaitu sebuah pusat interaktif yang menghimpunkan kesemua inisiatif yang menyumbang kepada pelaksanaan 17 SDG yang telah dirasmikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan pada 28 September 2021 yang lalu,” katanya.

Tambahnya, penubuhan pusat SDG ini akan membuka ruang untuk

Sulaiman berkata sejak Pusat SDG ini dirasmikan, ia telah menerima kunjungan atau lawatan dari pelbagai pihak termasuklah Pengarah Eksekutif UN-Habitat, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif.

“Selain itu, pusat ini juga turut menerima lawatan dari delegasi European Union, lawatan dari Setiausaha Agung United Cities and Local Governments Asia-Pasific (UCLG ASPAC) serta lawatan-lawan dari pelbagai agensi dan komuniti dalam negara termasuklah dari PBT-PBT dan persatuan-persatuan,” ujarnya.

Tambahnya, penubuhan pusat SDG ini akan membuka ruang untuk



PROGRAM SDG & Heritage Run ini menerima lebih 80 penyertaan termasuk dari luar negara.

pelbagai lapisan warga kota Kuala Lumpur menambah ilmu pengetahuan serta menjalankan penyelidikan berkenaan SDG dengan lebih meluas.

Beliau berkata melalui program-program yang selari dengan SDG dilaksanakan, sudah pasti akan membantu bandar raya Kuala Lumpur untuk terus unggul dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan dan meletakkan Kuala Lumpur di pentas dunia.

“Saya yakin dengan kesungguhan dan komitmen kita untuk mencapai matlamat-matlamat SDGs ini, Kuala Lumpur akan berjaya mencapai Agenda Mampan 2030 dan menjadi sebuah bandar raya yang mampan,

berdaya tahan, selamat dan inklusif untuk semua,” katanya.

Terdahulu, SDG Centre Kuala Lumpur dan Junior Chamber International (JCI) Malaysia telah menganjurkan Program SDG & Heritage Hunt untuk memberi pendedahan kepada peserta berkenaan sejarah Kuala Lumpur dan usaha-usaha DBKL di dalam merakyatkan SDG.

Program yang diadakan ini bersempena pengajian JCIM Academy 2022 melibatkan penyertaan kira-kira 80 orang peserta dalam dan luar negara seperti dari Vietnam, Bangkok, Filipina dan Cambodia.

W.K

Usahawan kecil tarik nafas lega terima bantuan BMTKM di Labuan

KHAIRUL IDIN

SEBAHAGIAN besar penerima bantuan program Basmi Miskin Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) di Pulau Bebas Cukai ini menarik nafas lega kerana inisiatif itu membantu meningkatkan hasil pendapatan mereka.

Program di bawah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang telah mula dilancarkan pada awal September lalu memberi tumpuan kepada pembasian kemiskinan tegar dalam kalangan Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) miskin tegar di seluruh negara pada akhir tahun 2025.

Seorang penerima Mudi Embuk, 41, menyifatkan bantuan berkenaan sebagai pembakar semangat untuk terus berusaha meningkatkan hasil pendapatan bagi menyara keluarganya.

Beliau yang sebelum ini bekerja di sektor minyak dan gas terpaksa mengharungi detik yang mencabar akibat hilang pekerjaan ketika negara dilanda pandemik COVID-19.

“Selepas hilang pekerjaan, saya menceburan bidang kimpalan besi dan logam. Saya mengambil keputusan untuk menjadi usahawan sepenuh masa dalam bidang kini kerana sebelum ini hanya mengambil upah dalam menjalankan kerja-kerja kimpalan besi.



NURHAFIZAH bersama suaminya menerima bantuan stall yang mampu meningkatkan lagi pendapatan melalui perniagaan burger yang telah diusahakan secara sepenuh masa sejak 10 tahun lalu.

“Melalui sumbangan mesin kimpalan yang diberikan oleh pihak kerajaan, hasil pendapatan saya akan meningkat dan sekali gus memberikan saya ruang dan peluang untuk melebarkan lagi perkhidmatan ini pada masa akan datang,” katanya ketika ditemui Wilayahku, baru-baru ini.

Mudi berkata beliau menerima barang bantuan mesin kimpalan pada awal bulan Oktober dan mulakan perniagaan dengan mengambil upah daripada projek yang diusahakan bersama rakannya.

“Pada waktu itu, pendapatan yang diterima dalam anggaran RM300 sahaja kerana menggunakan peralatan rakan.

“Melalui mesin ini, saya boleh mencapai pendapatan lebih sedikit dan penghasilan produk yang pelbagai mengikut skop kerja kimpalan seperti membuat pintu, gril dan gril tingkap,” katanya.

Bagi Nurhafizah Ruji, 32, yang mengusahakan perniagaan burger secara sepenuh masa menzahirkan kesyukuran kerana layak menerima bantuan tersebut yang dilihat mampu memberikan peningkatan dari segi hasil pendapatan malahan pengetahuan dalam bidang perniagaan.

Pihak kerajaan telah menyenaraikan nama saya dan kelulusan diberikan untuk mengusahakan perniagaan burger

melalui pemberian gerai.

“Alatan yang diberikan ini sudah pasti menjadi pembakar semangat kami untuk terus berusaha meningkatkan kehidupan keluarga kami,” katanya.

Beliau yang telah bermula bersama suami sejak 10 tahun di Taman Perumahan Mutiara

menggunakan jenama Rusli Burger berjaya memperolehi pendapatan sebanyak lebih RM2,000 sebulan.

Terdahulu, sejumlah RM577,535 diperuntukan bagi BMTKM Labuan fasa pertama dengan menerusi projek rintis yang melibatkan dua lokasi iaitu Patau-Patau dan Sungai Bedau. W.K



SATURDAY, 10TH DEC 2022

PUTRAJAYA WETLAND RIDE

Ramian Wetland Putrajaya, Presint 13
7.00am - 10.00am

ENTRY FEE RM35

ENTITLEMENT

FUN RIDE 5KM | 15KM

ONLINE REGISTRATION
<https://red-adventure.com/pwr>

KWP sedia hadapi banjir kilat, TNB periksa empangan hidroelektrik

BAGI memastikan kejadian banjir kilat di Wilayah Persekutuan dapat dikurangkan, beberapa tindakan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) untuk mengatasi bencana tersebut.

Malah KWP menerusi Ketua Setiausaha, **Datuk Seri Rosida Jaafar** juga sentiasa komited untuk menyasarkan Wilayah Persekutuan sebagai salah satu lokasi yang bebas daripada banjir kilat.

Terdahulu, Rosida mengetuai sesi lawatan turun padang (TUPA) untuk memantau lokasi *hot spot* banjir kilat melibatkan Jalan Sultan Azlan Shah (Hadapan Balai Polis Batu 3) dan Jalan Rahmat, Kuala Lumpur.

Turut serta dalam sesi tersebut Timbalan Ketua Setiausaha

(Pengurusan & Sosio Ekonomi) KWP, Datuk Parang Abai @ Thomas selain wakil daripada agensi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat (BOMBA), SWCorp dan Alam Flora.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) sudah membuat persiapan menyeluruh bagi menghadapi musim tengkujuh termasuk penambahbaikan beberapa infrastruktur kritis milik syarikat tersebut yang terletak di kawasan berpotensi ditenggelami banjir.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood berkata kesemua empangan hidroelektrik TNB

juga telah dipastikan berada dalam keadaan baik untuk terus berfungsi sebagai tebakan banjir antaranya mengurangkan paras air empangan secara berperingkat bermula Julai lalu.

Menurut beliau, pihaknya telah memasang tembok penahan sistem perparitan di Pencawang Masuk Utama dan meninggikan aras platform peralatannya.

“Manakala set-set jana kuasa bergerak, jana kuasa mudah alih serta perkakas kritis seperti bot, telefon satelit dan lampu limpa ditempatkan di lokasi-lokasi strategik.

“Langkah-langkah lain adalah mengubah lokasi dan meningkatkan ketinggian menara penghantaran untuk memastikan tiada risiko menara tumbang,” ujarnya dalam satu kenyataan pada Selasa. WK



ROMBONGAN turut meninjau lokasi *hot spot* banjir kilat.

Bajet MAIWP 2023 meningkat RM1.4b

ANGGARAN perbelanjaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) tahun depan meningkat sebanyak 13.54 peratus kepada RM1.448 bilion berbanding RM1.28 bilion pada 2022.

Ketika membentangkan Bajet MAIWP 2023, Pengurusinya, **Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar** berkata daripada anggaran perbelanjaan itu, ia termasuk perbelanjaan pengagihan sebanyak RM1.18 bilion, anggaran pengurusan RM199.55 juta dan pembangunan berjumlah RM70.78 juta.

“Fokus utama perbelanjaan pengurusan memberi penekanan kepada aspek kecekapan, kompetensi dan peningkatan mutu perkhidmatan MAIWP selari dengan teknologi.

“Perbelanjaan pembangunan merangkumi aktiviti fizikal pembangunan, pembelian aset, pembangunan harta tanah dan pelaburan,” katanya pada sidang media Bajet 2023 MAIWP baru-baru ini.

Beliau berkata anggaran perbelanjaan bagi 2023 berdasarkan peningkatan kutipan zakat dengan anggaran pendapatan zakat berjumlah RM1.286 bilion atau 15.7 peratus berbanding tahun ini yang berjumlah RM1.11 bilion.

Jelasnya, MAIWP menyasarkan kutipan zakat sebanyak RM1 bilion, manakala selebihnya merupakan anggaran pendapatan daripada sumber lain seperti sejaan, yuran pengajian serta pelaburan dan peruntukan geran daripada Kementerian Kewangan.

“Tahun depan kami memperuntukkan perbelanjaan agihan zakat kepada asnaf sebanyak RM1.177 bilion, perbelanjaan

pengurusan RM199 juta dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM70.7 juta.

“Bajet defisit disediakan melalui pencairan rizab simpanan dan wang tunai sebanyak RM162.12 juta untuk 2023. Bajet itu dijangka melebihi jumlah anggaran pendapatan 2023,” katanya pada sidang akhbar Bajet 2023 MAIWP pada Selasa.

Sementara itu, Mohd Daud berkata sejumlah RM50 juta akan disalurkan kepada 73,895 asnaf sehingga hujung tahun ini menerusi Bantuan Zakat Khas MAIWP Insani.

Menurutnya, bantuan tersebut bertujuan untuk menyantuni semua asnaf di Wilayah Persekutuan, berikutan cabaran krisis makanan dan bahan tenaga yang berlaku kini.

Bantuan Zakat Khas MAIWP Insani berjumlah RM50 juta disalurkan sehingga akhir tahun ini bagi menyantuni semua asnaf di Wilayah Persekutuan.

“Seramai 30,000 orang penerima Bantuan Kewangan Bulanan akan menerima bantuan zakat khas RM1,000 seorang di mana RM250 telah dibayar pada Ogos lepas, manakala baki sebanyak RM750 akan dibayar pada Disember ini.

“Bantuan Am Persekutuan sebanyak RM200 juga akan disalurkan kepada 36,750 orang pelajar manakala 6,600 penerima akan mendapat zakat khas Bantuan Am Pelajaran Institut Pengajian Tinggi sebanyak RM500,” katanya.

Tambah Daud lagi, semua bantuan akan disalurkan secara berperingkat kepada penerima yang ada dalam pangkalan data MAIWP dan menjangka seramai 2,000 asnaf akan dikeluarkan daripada garis kemiskinan sehingga



MOHD Daud (tengah) selepas sidang Pembentangan Bajet 2023 MAIWP di Dewan Seminar, PERKIM, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

penghujung tahun ini.

Sementara itu, Mohd Daud turut berkata 530 buah institusi termasuklah sekolah rendah, menengah, KAFA, Tahfiz di

seluruh Wilayah Persekutuan akan menerima RM30,000, bagi membiayai pelaksanaan aktiviti pelajar asnaf dan pembinaan infrastruktur. 15 buah hospital turut

disalurkan Bantuan Khas Tabung Kebajikan Hospital dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM950 ribu untuk menampung kos-kos rawatan asnaf.

Bermula Januari hingga Oktober 2022 sahaja, MAIWP telah mengagihkan hampir RM700 juta dana zakat menerusi bantuan secara langsung dan tidak langsung kepada asnaf yang memerlukan.

“Kemampuan untuk menyediakan peruntukan yang besar ini berjaya dilaksanakan oleh MAIWP hasil daripada komitmen para pembayar zakat di dalam dan luar Wilayah Persekutuan.

“Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua pembayar zakat, kerana dengan zakat anda, MAIWP dapat melaksanakan amanah dengan membantu mereka yang memerlukan,” ujarnya. WK

**MESYUARAT AGUNG
KESATUAN PENOLONG PEGAWAI
TANAH SEMENANJUNG
MALAYSIA KE-44 TAHUN 2022**


**DEWAN DAMAR SARI
BLOK F8, PARCEL F
PUTRAJAYA**


**26 NOVEMBER 2022
SABTU**


8.30 PG - 5.00 PTG



#AGMKPPTSM
KE-44 TAHUN 2022



MAHADI (kiri) ketika meninjau rumah contoh Residensi Sungai Udang di Segambut baru-baru ini.



SALAH satu ruang bilik tidur di kediaman Rumah Majlis.

Warga KL gembira DBKL lanjut tawaran sewa Rumah Majlis

AINI MAAWI

RATA-RATA warga Kuala Lumpur melahirkan rasa teruja apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melanjutkan tempoh permohonan tawaran penyewaan unit kediaman dan komersial Rumah Majlis Residensi Sungai Udang di Segambut sehingga 29 November 2022.

Tinjauan Wilayahku di laman sosial Facebook DBKL mendapati mereka bersyukur kerana diberi peluang sekali lagi setelah terlepas tarikh akhir permohonan yang dibuka sejak 7 Februari lalu.

"Masih bukak lagi ke? Saya teringin duduk sini," ujar Nur Sazrina.

Ia turut diakui oleh Lily Sophillea Nazryn yang berharap permohonannya untuk menyewa unit Rumah Majlis Residensi Sungai Udang diterima.

Sementara itu, bagi Danish Yaqzan pula, kawasan tersebut bukan sahaja strategik bahkan ia sangat berbaloi memandangkan harga sewa RM850 sebulan agak rendah.

"Saya dah masuk tengok rumah. Memang cantik. Selesa untuk empat hingga lima orang ahli keluarga,"

ujarnya yang turut berpuas hati dengan fasiliti yang ditawarkan.

Tidak ketinggalan juga Marzuki Zulkifli yang menyifatkan harga tersebut jauh lebih rumah dengan rumah sewa lain di sekitar Kuala Lumpur memandangkan lokasi tersebut terletak di tengah bandar.

Dalam masa yang sama, DBKL turut menyeru mereka yang telah melengkapkan borang untuk mengembalikannya ke alamat Unit Penyewaan Tanah dan Bangunan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, DBKL, Tingkat 14, Menara Bumiputra Commerce, No 11, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur

atau menghubungi talian **03-2617 1060/ 1061/ 1062 /1063** untuk sebarang pertanyaan lanjut.

Terdahulu, ketika Majlis Penyerahan Surat Tawaran Penyewaan Residensi Sungai Udang Segambut baru-baru ini, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah menjelaskan sebanyak 800 permohonan untuk sewaan diterima setelah tawaran ditutup baru-baru ini.

Walaupun begitu, ia masih dalam proses tapisan berdasarkan syarat dan kriteria ditetapkan yang dikhaskan untuk golongan B40 sampai M40 secara sewaan. WK

Pameran foto antarabangsa 'Traditions Of Islam in Russia' di IAMM hingga 31 Disember

PAMERAN foto antarabangsa 'Tradition of Islam in Russia' yang mempamerkan khazanah sejarah dan budaya umat Islam di Rusia bakal diadakan di Muzium Kesenian Islam Malaysia (IAMM) bermula Rabu.

Anjuran Kedutaan Rusia di Kuala

Lumpur, pameran itu bersempena tarikh penting bagi umat Islam Rusia iaitu ulang tahun ke-1100 penerimaan Islam oleh penduduk Volga Bulgaria yang disambut pada tahun ini.

"Pameran itu projek antarabangsa

khas yang membuka pintu kepada sejarah Rusia yang berabad-abad lamanya dan menyatukan masyarakat serta mendedahkan jiwa Rusia selain memperkenalkan warisan budaya dan kekayaan sejarah umat Islam Rusia," menurut

kenyataan kedua-dua itu.

Pameran akan berlangsung sehingga 31 Disember.

Lebih 150 pameran yang dibagikan kepada lapan bahagian, setiap satu mewakili satu Daerah Persekutuan Rusia.

Satu daripada bahagian paling penting menumpukan kepada hubungan Rusia-Malaysia, peristiwa penting, pencapaian bersama, dialog dan hubungan rapat antara kedua-dua negara di peringkat negara dan agama serta sosial. WK

CERITA KEDAI KOPI

PRU berlalu, hentikan berpolitik

PILIHAN Raya Umum (PRU) ke-15 sudah seminggu berlalu. Keputusan sudah diketahui dengan tidak ada satu pun parti menang dominan untuk membentuk kerajaan secara bersendirian, melainkan perlukan kerjasama parti lain.

Kawan-kawan Kedai Kopi tidak berhasrat untuk mengulas mengenai PRU ini atau pembentukan kerajaan campuran. Hampir semua kisah mengenainya sudah diketahui umum melalui akhbar atau media online. Biarlah ia berlaku seperti apa yang berlaku.

Cuma kawan-kawan Kedai Kopi ingin meluahkan rasa kecewa kerana matlamat asal mengadakan PRU-15 itu tidak tercapai, atau tidak menepati apa yang dirancang oleh pemimpin politik tanah air.

Parlimen ke-14 masih berkuat kuasa sehingga Mei 2023, namun wujud desakan agar diadakan segera PRU ke-15. Alasannya untuk mewujudkan kerajaan stabil dengan mengembalikan semula mandat kepada rakyat melalui pilihan raya.

Ini kerana kerajaan yang memerintah, antaranya ditunjangi oleh Bersatu, UMNO dan PAS diakui tidak cukup kukuh dan stabil sehingga menyebabkan perjalanan pentadbiran tidak lancar.

Antara yang kuat mendesak parlimen dibubar dan PRU diadakan ialah Presiden UMNO merangkap Pengurus Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi. Beliau optimis BN mampu muncul parti dominan dengan mengambil kira kemenangan besar dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka dan Johor.

Kerana desakan bertala-tala ini, walaupun negara menghadapi Monsun Timur Laut, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob yang juga Naib Presiden UMNO, akhirnya membubarkan parlimen pada 10 Oktober 2022.

Berikut itu, PRU-15 diadakan pada 19 November lalu melibatkan kawasan parlimen di seluruh negara. Di peringkat negeri, hanya Pahang, Perak dan Perlis mengadakan pilihan raya. Selain itu kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bugaya di Sabah yang merupakan Pilihan Raya Kecil (PRK).

Negeri-negeri lain tidak membubarkan DUN sehingga tamat tempoh pada Mei tahun 2023. Negeri Melaka dan Johor baru sahaja mengadakan PRN dan tempoh DUN masih lama. Begitu juga Sabah dan Sarawak.

Namun apa yang diharap dan diyakini oleh Presiden UMNO tidak menjadi kenyataan. Prestasi UMNO dan BN lebih teruk daripada PRU-14. Jika pada PRU-14 menang 79 kerusi, pada PRU-15 ini hanya menang 30 kerusi.

Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN) lebih dominan tetapi masih belum cukup membentuk kerajaan secara bersendirian. PRU-15 yang diharap mewujudkan

kerajaan stabil sebaliknya menimbulkan pelbagai drama yang tidak menyenangkan rakyat selaku pengundi.

Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi memang tidak setuju diadakan PRU lebih awal dari tarikh akhir parlimen. Biarlah tempoh berakhir. Sekurang-kurangnya tidak nampak tergesa-gesa mahu diadakan PRU bagi ada musihat tertentu.

Apa pun yang sudah berlaku tetap berlaku. Tidak boleh diputar kembali. Cuma kawan-kawan Kedai Kopi berharap setelah berakhir PRU, kurangkan berpolitik. Juga semoga kerajaan baharu akan benar-benar stabil memacu kecemerlangan negara dan menjamin kesejahteraan rakyat serta menyelesaikan pelbagai masalah yang mereka hadapi.

Turunkan segera bendera

MENURUT pemerhatian kawan-kawan Kedai Kopi, bendera, bunting, atau kain pemidang serta billboard memaparkan wajah calon atau logo parti bertanding dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15, masih banyak terpacak atau digantung dibuat begitu sahaja, khususnya di Kuala Lumpur.

Adalah menjadi tanggungjawab parti yang bertanding menurunkan bendera, bunting atau billboard tersebut sebaik selesai pilihan raya. Menjelang pilihan raya memang menarik bendera parti pelbagai warna menceriakan suasana di seluruh ibu negara.

Tetapi setelah tamat pilihan raya, bendera

serta bunting terdedah kepada hujan dan panas, atau jatuh menyembah bumi. Ia sudah menjadi sampa sarap. Ini mewujudkan persekitaran yang menyakitkan mata memandang.

Bendera atau billboard dipasang dengan kebenaran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Tetapi kesemuanya mesti dibersihkan sebaik PRU berakhir. Oleh itu, tanggungjawab membersih terletak pada part-parti yang bertanding.

Pihak DBKL berhak bertindak kepada pihak yang enggan melakukan pembersihan, misalnya mengenakan kompaun serta mengenakan bayaran jika pihak DBKL yang terpaksa melakukan kerja pembersihan.

Bagi parti yang calonnya menang dalam PRU mungkin akur. Hati seronok kerana menang dan tidak keberatan membersihkan. Tetapi bagi parti yang kalah, mungkin liat sedikit. Ada beranggapan, parti sudah kalah tidak perlu nak turunkan bendera atau poster.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, ini adalah sikap tidak bertanggungjawab dan tidak seharusnya menjadi pegangan parti-parti yang bertanding. Seperti mana berkobarnya semangat ketika memasang bendera atau kain pemidang, seharusnya begitu juga semangat untuk menurunkan.

Jadilah rakyat yang peka melaksanakan tanggungjawab tanpa perlu menunggu menerima surat amaran atau dikenakan kompaun. Belajarlah menjadi orang yang tahu menghargai keindahan dan kebersihan persekitaran.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@ayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwkt@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fathiah Mohd Amir
fathiah@ayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm866@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@ayasanwp.org.my

Inilah Masanya! cuti-cuti Malaysia!



Gunung Kinabalu, Sabah

Inilah masanya! Terokai pengalaman mengujakan dengan menakluki puncak tertinggi di Malaysia.

Ikuti kami di Facebook untuk cabaran seterusnya.

cuti-cuti 
MALAYSIA



Imbas Kod QR untuk
Risalah Digital Interaktif



www.malaysia.travel



Ikuti kami: Malaysia Truly Asia

Buru jenama di Petaling Street



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

JENAMA selalunya membentuk tanda aras sosial kepada pemiliknya. Malah dalam banyak keadaan masyarakat juga membentuk arus utama dalam menilai individu, antaranya barang yang dimiliki atau dipakai. Maka tidak hairanlah apabila ada yang memburu jenama untuk mengajak taraf sosialnya.

Dalam persekitaran di mana maklumat begitu mudah diakses, penularan budaya konsumerisme menjadi sangat pantas. Kemudian membentuk satu tanda aras sosial tertentu terhadap individu yang memiliki barang berjenama. Kalau tidak mampu jenama mahal, yang sedikit murah pun tetap menjadi kebangsaan.

Maka tidak hairanlah kalau usahawan tudung lebih pantas menjadi jutawan berbanding usahawan buku. Tidak banyak yang mengukur individu daripada buku yang dimiliki berbanding barang yang dipakai. Walaupun buku boleh mencerdikkan, akan tetapi tudung berjenama diperlakukan dengan hormat dan diangkat sebagai tanda pemiliknya.

Sekalipun begitu, kita tidak perlu terkejut dengan keadaan sedemikian. Sebenarnya inilah cara masyarakat di negara dunia ketiga menilai jenama berbanding buku untuk diangkat sebagai tanda aras sosial.

Walaupun begitu tidak semua yang diimpikan boleh menjadi kenyataan. Hal ini disebabkan kekangan kewangan terutama mereka yang berpendapatan agak rendah. Malah yang berpendapatan tinggi sekalipun tidak menggapai semua yang diimpikan itu disebabkan oleh banyak komitmen lain.

Ada orang tidak peduli dengan jenama. Akan tetapi sesetengahnya pula kalau tidak boleh sesuatu yang dihajat itu tidak lengkap hidupnya. Mereka sanggup berbuat apa sahaja supaya kelihatan setanding dengan personaliti yang menjadi cerminan sosialnya.

Dalam keadaan yang sedemikian, mujurlah ada pasar malam Petaling Street di tengah-tengah Kuala Lumpur. Di situah lubuk barang berjenama yang mampu memuaskan hati sekalipun tidak asli.

Berada di Petaling Street

menjadikan golongan yang terasuk jenama tiba-tiba menjadi 'orang kaya.' Di sekeliling mereka semua berjenama yang golongan B40 hanya mampu tengok, tidak berdaya memiliki. Bagaimanapun di Petaling Street siapa sahaja boleh bergaya dengan jenama impian hati.

Daripada parfum, jam tangan, kasut, beg tangan hingga baju T semuanya berjenama. Susah pula hendak mencari yang tidak berjenama. Petaling Street sejak lama dulu terkenal sebagai lubuk barang jenama tiruan yang terbesar - bukan sahaja di Kuala Lumpur malah di negara ini.

Suatu ketika dahulu di pasar malam itu banyak dijual kaset lagu dan video filem cetak rompak. Berlambak. Baru sehari filem Hollywood ditayangkan di pawagam sudah ada video cetak rompak di Petaling Street. Kualitinya jangan ditanya, nama pun cetak rompak. Bayangkanlah wajah-wajah perompak, begitu kualiti audio dan visualnya.

Selama hampir 40 tahun menetap di Kuala Lumpur, ternyata saya lebih kerap ke Jalan Masjid India berbanding Petaling Street. Salah satu sebabnya saya selalu berasa di Hong Kong apabila di Petaling Street. Amat terasa tempatnya bukan seperti di negara ini.

Kedua-dua, saya bukan pemburu barang berjenama, apa lagi yang tiruan. Malah lebih selesa memakai baju T cap Pagoda berbanding baju T berjenama dari Petaling Street.

Bagaimanapun bagi saya yang dilahir dan dibesarkan di Perlis, negeri bersempadan Thailand, barang jenama tiruan bukanlah suatu yang baru. Saya sudah lama terdedah dengan barang jenama tiruan dari Thailand yang dijual di Pekan Padang Besar sejak awal 1980-an dulu.

Ketika itu Padang Besar menjadi tumpuan pelancong untuk membeli barang berjenama tiruan. Semua barang ini dihasilkan dengan kualiti yang sangat rendah dan sepadan dengan harganya.

Pada tahun 1980-an dulu orang kampung sudah kenal beberapa jenama dan menjadi impian terutama dalam kalangan wanita. Mereka mendapat maklumat mengenai sesuatu jenama melalui majalah. Banyak juga membeli kerana mengikuti gaya orang lain.

Ada banyak juga jenama yang hingga hari ini saya tidak dapat menyebut dengan betul. Berputar



PETALING Street sejak lama dulu terkenal sebagai lubuk barang jenama tiruan yang terbesar - bukan sahaja di Kuala Lumpur malah di negara ini.

lidah hendak menyebutnya dan begitulah juga dengan orang kampung yang lain.

Saya antara yang tidak mengambil endah tentang jenama. Bagaimanapun ada juga jenama yang melekat di ingatan, salah satunya Charles Jourdan atau CJ. Ketika itu saya tidak tahu pun barang berlogo Charles Jourdan yang asli semuanya mahal.

Akan tetapi saya percaya bahawa mereka membeli bukan kerana jenama. Mereka membeli kerana trend semasa yang banyak membeli jenama itu. Mereka bukan terperangkap dalam budaya konsumerisme, hanya sekadar mengikut arus perkembangan semasa.

Arwah ibu juga ada beg Charles Jourdan, tetapi disebabkan harganya murah, hanya disangkut di tepi dinding sahaja. Sekali-sekala sahaja digunakan untuk membawa telekung dan serbuk kopi cap kereta api kegemarannya apabila datang ke Kuala Lumpur. Sebenarnya ibu tidak tahu pun jenama beg itu.

Saya selalu mengusik ibu, "Tu dia mak dah bergaya pakai beg Charles Jourdan. Mahai tu kalau di Kuala Lumpur."

"Ala beg Siam sahaja tu. Orang bagi mak pakai saja. Awatnya, pelik ka beg ni? Mak tengok elok saja."

"Tak pelik aih. Tapi beg ni beg orang kaya, mak. Ribu-ribuan harganya."

"Jangan dok merepek la. Di Padang Besaq ada berlori. Tak mahai pun."

Ibu seorang pengguna

yang menilai barang di segi kegunaannya. Bukan kerana jenama atau mahal atau murah harganya. Baginya lagi murah lebih bagus. Lagi besar beg, lagi banyak barang boleh diisi, termasuk pekasam ikan sepat benua yang menjadi kegemaran saya.

Sebenarnya antara Padang Besar dengan Petaling Street banyak bezanya. Sekalipun kedua-duanya menjadi lubuk jenama tiruan, Petaling Street adalah Pekan Cina (Chinatown) iaitu sebuah petempatan masyarakat Cina yang menjadi pusat sosial dan ekonomi sejak zaman penjajah lagi.

Lebih kurang 700 peniaga di Petaling Street terdiri daripada Cina. Tidak ada kaum lain bermiaga di situ. Sifat sebagai Pekan Cina terus terpelihara hingga kini. Malah kawasan di sekitar Petaling Street juga merupakan petempatan pelombong Cina dari China lebih seabad lalu.

Maka tidak hairan kalau majoriti pengunjung terdiri daripada kaum Cina serta pelancong dari luar negara. Pengunjung Melayu mempunyai kawasan membeli-belah yang lain misalnya di sekitar Chow Kit dan Jalan Masjid India.

Sebaik sahaja dibuka pada pukul 5 petang

“ Sebenarnya antara Padang Besar dengan Petaling Street banyak bezanya. Sekalipun kedua-duanya menjadi lubuk jenama tiruan, Petaling Street adalah Pekan Cina (Chinatown) iaitu sebuah petempatan masyarakat Cina yang menjadi pusat sosial dan ekonomi sejak zaman penjajah lagi.

setiap hari, berduyun-duyun pengunjung datang hingga tengah malam. Banyak yang membeli pakaian – seluar jeans, baju T dan kasut. Pengunjung tidak pernah susut sejak pertama kali saya ke situ hampir 40 tahun lalu.

Saya pernah berbual dengan seorang pelancong Eropah yang membongkar berbelas utas jam tangan jenama mewah. Peniaga jam itu hanya isikan ‘jam mewah’ dalam plastik sahaja. Pelancong itu beritahu, semua jam itu sebagai cenderamata untuk kawan-kawannya.

Katanya, bukan mudah untuk mendapatkan barang berjenama tiruan di negara lain. Dia percaya kawan-kawannya berasa bangga kerana memiliki jam tangan jenama tiruan yang dibeli dari Malaysia. Saya terkedu.



MENGERATKAN

Terlalu lama kita tak berdakap
jemari kita tidak bersentuhan salam
menjadikan aku rindu

Kita mengitari kehidupan kesendirian dalam
kawah sunyi
bertemankan bayang-bayang
yang makin mengerti tentang

Keheningan yang membakar
kasih sayang.

Bukakan sayapmu
terbang melayahlah
ke sini membawa khabar

Aku tak mahu menjadi dedaan
yang reput dimakan hari
tersia-sia di dalam rona
kekuning dikelubung waktu.

Hasni Hassim
Sitiawan.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA
DAN INFORMASI TERKINI!



Rumah Residensi penuhi keperluan B40

UNTUK memenuhi keperluan kediaman bagi warga kota, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membina Rumah Residensi, unit kediaman stain kondo yang dilengkapi pelbagai kemudahan, termasuk kolam renang, dewan serbaguna serta taman permainan.

Ini selain daripada rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) yang didirikan di merata tempat dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak sekian lama. Terdapat PPR atau PA yang usianya sudah melebihi 30 tahun dan kelihatan uzur. Kerana itu projek membaik pulih dilakukan oleh DBKL, termasuk membina perumahan baharu di tapak lama.

Sasaran penghuninya adalah warga kota berpendapatan rendah. Ada unit yang dijual dan ada pula yang disewakan. Sewa bulanan sangat munasabah, dalam lingkungan RM125 sahaja, memenuhi kemampuan warga kota berpendapatan rendah dan sederhana.

Berbanding dengan Rumah Residensi, ia lebih moden, besar dan selesa. Beza Rumah Residensi dengan PPR atau PA, Rumah Residensi dibina untuk sewa sahaja, tidak untuk dijual berteraskan sistem sewa beli rumah-rumah DBKL sebelum ini.


Selain itu, konsep moden dengan pelbagai kemudahan disediakan menyaksikan kadar sewa lebih tinggi, dalam lingkungan RM850 sebulan. Tempoh sewa untuk tiga tahun.

Selepas sampai tempoh tiga tahun, kedudukan penyewa akan dikaji. Jika melepas batas kelayakan, misalnya pendapatan bertambah, mereka akan diminta mengosongkan unit untuk diberi kepada penyewa lain. Jika tidak, mungkin dibenarkan terus menyewa.

Adi setuju skim sewa beli memang baik kerana membolehkan penyewa membeli dan memiliki unit rumah setelah tempoh waktu tertentu. Kerana itu skim tersebut banyak membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah pada akhirnya.

Namun memetik Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, skim sewa beli ini tidak dilaksanakan bagi Rumah Residensi, yang dikelaskan sebagai rumah sementara atau rumah transit. Penyewa yang sudah melebihi paras kelayakan perlu keluar dan berusaha mencari rumah sendiri. Ini termasuk rumah yang dimajukan oleh pemaju swasta.

Punca utama dasar baharu ini ialah tanah semakin kekurangan di Kuala Lumpur berikutnya pembangunan rancak di seluruh pelosok ibu kota. Kerana itu



RUMAH Residensi dengan fungsi rumah transit dilihat sebagai satu usaha murni untuk memberi peluang kepada penyewa 'bergilir' mendudukinya dalam keadaan keperluan kepada rumah semakin mendesak.

tanah bukan sahaja diperlukan untuk pembinaan rumah tetapi untuk banyak kegunaan lain, misalnya membina sekolah, bangunan pejabat, pusat perdagangan dan sebagainya.

Kerana itu DBKL menghadapi kekangan memperoleh tanah yang boleh dimajukan bagi memenuhi permintaan rumah di sekitar ibu negara. Jika ada pun harganya mahal. Kerana itu sistem transit dilaksana agar penyewa yang sudah lebih mampu menyerahkan kembali unit kepada DBKL, seterusnya diserahkan kepada yang layak dan memerlukan.

Pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran Penyewaan Residensi Sungai Udang, Segambut, baru-baru ini, Mahadi memberitahu Rumah Residensi ini disasar untuk golongan B40 hingga M40.

Adi difahamkan, dalam tempoh penyewaan tiga tahun, penilaian dibuat dari semasa ke semasa untuk menentukan taraf kelayakan penyewa dengan membuktikan pendapatan semasa. Pihak DBKL kemudian akan memutuskan status penyewa.

Rumah Residensi dengan fungsi rumah transit dilihat sebagai satu usaha murni untuk memberi peluang kepada penyewa 'bergilir' mendudukinya dalam keadaan keperluan kepada rumah semakin mendesak.

Pada pandangan Adi, langkah ini berkesan membantu mengatasi masalah warga kota berpendapatan rendah dan sederhana mencari tempat kediaman.

Tanah yang kekurangan dan harga tinggi menyebabkan skim pembinaan rumah baharu akan mengambil masa. Pada masa sama, keperluan perumahan di Kuala Lumpur bukan kekurangan tetapi semakin bertambah setiap tahun. Isu ini perlu ditangani dengan baik. Rumah Residensi adalah antara jawapan.

Perlu diingat sistem transit Rumah Residensi ini bukan sesuatu yang baharu. Sistem ini juga dilaksana oleh DBKL bagi penyewa di Projek Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam. Apabila melepas batas kelayakan tertentu, perlu melepaskan unit.

Cuma kerap kali yang

“Pada pandangan Adi, langkah ini berkesan membantu mengatasi masalah warga kota berpendapatan rendah dan sederhana mencari tempat kediaman.”

menjadi masalah, penyewa yang sudah tidak layak menduduki tetap hendak tinggal terus di unit berkenaan. Keingganan menyerahkan kembali unit kepada DBKL menyebabkan DBKL terpaksa bertindak untuk membolehkan golongan lain yang memerlukan boleh mengambil alih.

Adi berharap kepada penyewa PPR atau PA dan Rumah Residensi tidak ingkar dengan arahan DBKL. Mereka sudah diberi peluang tinggal dan apabila pendapatan sudah lebih baik serta mampu membeli kediaman sendiri, undurlah dengan rela tanpa paksaan.

Residensi Sungai Udang terdiri daripada tiga blok, dengan satu blok dikhurasukan sebagai kuarters DBKL. Jumlah unit kediaman ialah 1,251 unit, setiap satu dengan keluasan 807 kaki persegi.

Antara kemudahan disediakan ialah tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang parkir, gelanggang futsal, dewan serbaguna, taman permainan kanak-kanak, surau, kolam renang, bilik pengurusan jenazah serta kawalan keselamatan 24 jam.

Sewa RM850 sebulan pada Adi sangat munasabah dengan mengambil kira kualiti Rumah Residensi serta kemudahan disediakan. Ia jauh lebih rendah berbanding kadar sewa rumah kategori sama di pasaran yang mencecah sehingga RM1,500 sebulan.

Untuk rekod, sehingga kini terdapat 3,621 unit Rumah Residensi yang telah dan sedang dibina di empat tapak milik DBKL, masing-masing di Segambut, Bandar Tun Razak, Bandar Baru Sentul dan Taman Desa Seputeh.

Pihak DBKL memang sentiasa berusaha memenuhi keperluan perumahan semua peringkat masyarakat. Kerana itulah wujud rumah PPR, PA dan Rumah Residensi. Namun kerana permintaan rumah lebih tinggi berbanding bekalan disediakan, DBKL masih belum dapat memenuhi semua permintaan.

Kerana itu pada pandangan Adi, pihak swasta juga perlu

sama-sama bertanggungjawab menyediakan perumahan bagi golongan B40 hingga M40. Hampir semua projek perumahan swasta ini tertumpu kepada pembinaan rumah mewah berharga tinggi, di luar kemampuan golongan terlibat untuk membeli.

Perhatikan sahaja di sekeliling ibu kota, pembangunan rancak kondo tidak pernah berhenti. Pelbagai macam reka bentuk rumah wujud. Memang menarik tetapi harganya tidak mampu dicapai tangan. Ramai sekadar menjadi pemerhati.

Kerana itu Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan DBKL mesti tegas menetapkan kuota kepada para pemaju swasta. Mereka dibenar melaksanakan projek mewah tetapi mesti disertakan dengan pembinaan rumah harga sederhana dan harga rendah.

Dalam proses mencari untung, jangan lupa golongan kurang mampu yang juga perlukan rumah untuk berlindung daripada panas dan hujan. Berkongsilah keuntungan dengan pihak kurang berkemampuan sebagai tanggungjawab sosial. DBKL sebagai pihak berkuasa wajar memastikan matlamat ini tercapai.

Adi—Ada rumah teres

Adi Taah



PEMIMPIN IDEAL

Pemimpin yang baik hebat mentadbir ehwal negara adil mengurus ketidaksamaan agama tanpa konflik kaum dan bangsa damai dan makmur sejahtera

Pemimpin yang baik jujur kepada rakyat jelata berjanji takkan pernah berdusta amanah menggenggam peti rahsia berwibawa menghakimi para pesalah

Pemimpin yang baik membela nasib orang biasa memastikan hak masyarakat terpelihara disapa penuh adab tatasusila santun berbudi meski berkuasa

Pemimpin yang baik berkeras mengekang korupsi berleluasa menghapus kezaliman tumbuh merata-rata sedar berat memikul tanggungjawab demi tujuan akhirat di sana

Duhai kamu anak watan pilihan ada dalam pegangan bukan kerana disuap rasuah bukan kerana ikut cita rasa tapi kerana takwa sang pengusa.

Suriati Munal
Kota Bharu Kelantan.

SKETSA



50 peserta terpilih sertai taklimat

YWP kemas kini permohonan UMK

HAZIRAH HALIM

USAHA memperkasakan pembangunan Usahawan Muda Kota (UMK) terus dipergiatkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

Terbaru, YWP mengambil inisiatif mengemas kini semula permohonan ruang niaga terhadap peserta-peserta UMK yang telah berjaya dalam temu duga awal pada tahun 2020/2021.

Untuk itu, satu sesi taklimat penempatan kios dan *pushcart* diadakan kepada 50 peserta bertempat di Wisma YWP, Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Pengurus kanan Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T), **Zahrulail Abdul Rahman** menjelaskan taklimat tersebut diadakan bagi memproses kembali permohonan

peserta yang telah berjaya setelah ia tertangguh selama dua tahun akibat pandemik COVID-19.

"Kami beri penerangan lanjut dan kemukakan dua pilihan permohonan iaitu penempatan tapak niaga jenis kios dan tapak niaga jenis *pushcart* di 17 lokasi baru di sekitar Kuala Lumpur.

"Bagi tapak ruang kios, luasnya adalah 7x7 yang mana ia ditempatkan di tiga kawasan di Kuala Lumpur antaranya di Jalan Alor, Taman Midah dan Taman Melati. Manakala *pushcart* pula ditempatkan di dua lokasi iaitu stesen transit aliran massa (MRT) dan transit aliran ringan (LRT) sekitar Kuala Lumpur," katanya kepada **Wilayahku**.

Menurut Zahrulail, sekiranya ramai peserta yang memohon di satu kawasan yang disenaraikan, pihaknya akan membuat sesi temu duga kali kedua berdasarkan kriteria yang dikehendaki.



Zahrulail (tiga dari kanan) memberi taklimat kepada peserta di Wisma YWP baru-baru ini.

"Selepas taklimat, pihak kami akan menyaring kesemua permohonan untuk lihat berapa ramai yang memilih di satu-satu kawasan. Kalau tidak melebihi daripada bilangan unit yang ditetapkan, kami akan terus serahkan tetapi sekiranya lebih maka kami terpaksa melakukan temu duga dan saringan

buat kali kedua," ujarnya.

Tambahnya, para peserta juga telah diberi masa selama seminggu bermula tarikh selepas taklimat untuk membuat tinjauan di lokasi yang disenaraikan sebelum memberi keputusan dan menghantar borang jawapan kepada pihak YWP.

Kongsinya lagi, tapak ruang

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852



Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

kios dan *pushcart* memudahkan usahawan untuk menjalankan perniagaan kerana ia boleh ditinggalkan di kawasan tersebut selain ia dilengkapi kemudahan seperti kipas, sinki dan ruang yang luas. **W.K**

MTDC Road2Growth perkasa penggunaan teknologi tempatan i4.0

SABRINA SABRE

AGENSI di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) komited untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat teknologi ahli ekosistemnya bagi memperkasakan penggunaan teknologi tempatan menerusi Program MTDC Road2Growth (R2G) Zon Tengah.

Menurut Ketua Eksekutif MTDC, **Datuk Norhalim Yunus**, program tersebut berperanan dalam memastikan graduan, penyelidik dan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tidak ketinggalan untuk menerima manfaat serta bimbingan daripada program-program yang disediakan khususnya dalam Industri 4.0 (i4.0) dan pendigitalan.

"Acara tahunan ini adalah sebuah



Norhalim (empat kiri, depan) bersama peserta Program MTDC Road2Growth Zon Tengah di UPM.

platform bagi usahawan dan graduan untuk mendapatkan informasi mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh MTDC di samping memperkenalkan syarikat

ekosistemnya.

"Para peserta turut didekah dengan cara mengadaptasi penggunaan teknologi dalam perniagaan mereka," katanya dalam

Program MTDC Road2Growth Zon Tengah di Pusat Teknologi UPM-MTDC Serdang baru-baru ini.

Di samping itu, Norhalim berkata melalui program ini, peserta dapat bersemuka dengan MTDC untuk memperoleh khidmat nasihat perniagaan, mencari peluang-peluang perniagaan dan kerjasama baharu dengan pihak industri yang memberikan bimbingan dalam mengadaptasikan teknologi terutama berkaitan i4.0 dalam perniagaan mereka.

"Penggunaan teknologi sudah terbukti meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos, menambah pendapatan syarikat serta meningkatkan aras pelanggan dan berjaya berhadapan dengan persaingan," jelasnya.

Terdahulu, Program MTDC Road2Growth Zon Tengah turut dihadiri, Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Ts Dr Aminuddin Hassim. **W.K**

Program Back To School beri manfaat kepada keluarga B40

DEEL ANJER

USAHA Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dalam menggalakkan para pelajar ke sekolah merupakan antara sumbangan besar kepada masyarakat sejak dahulu lagi.



SITI HAJAR

Pembantu Pentadbiran Kanan Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP), **Siti Hajar Abdul**, 44, berkata Program Bantuan Persekolahan Back To School memberi makna besar kepada masyarakat.

"Sepanjang 23 tahun saya berkhidmat di YWP, antara pengalaman manis adalah ketika menjalankan Program Bantuan Back To School yang melibatkan 5,000 pelajar di Wilayah Persekutuan," ujarnya yang pernah menguruskan bantuan tersebut sekitar tahun 2000.

Kongsinya kepada **Wilayahku**, program anjuran YWP tersebut mendapat sambutan menggalakkan dan sangat dihargai masyarakat ketika itu sehingga ke hari ini.

"Saya turut mendengar luhan rakyat yang berterima kasih kepada YWP atas usaha membantu anak-anak mereka," ujarnya yang pernah mendengar pemandu teks dinaiknya memuji bantuan murni tersebut.

Tambahnya, pujian tersebut membuatnya bersemangat untuk terus bersama-sama YWP berbakti kepada masyarakat.

"Dari situ, saya terfikir bantuan persekolahan ini sebenarnya sangat diperlukan oleh masyarakat. Tidak semua orang mampu menghantar anak-anak ke sekolah lebih-lebih lagi ketika zaman mencabar ini," ujarnya lagi.



SALAH seorang ibu pelajar teruja menerima baucar Back To School. - Gambar hiasan.

Katanya lagi, bantuan persekolahan berupa wang tunai mahupun barang keperluan seperti beg sekolah dan sebagainya amat membantu ibu bapa atau penjaga dalam menanggung sesi persekolahan anak-anak mereka.

"Misalnya bagi keluarga B40, bantuan ini dapat meringankan urusan kewangan dalam menyediakan

kelengkapan persekolahan seterusnya menyuntik semangat anak-anak untuk terus menuntut ilmu," ujarnya.

Dalam pada itu, Siti Hajar juga turut mengalu-alukan mana-mana pihak di luar sana yang ingin memberikan sumbangan terhadap bidang pendidikan bagi memastikan generasi akan datang terus gemilang. **W.K**

Yayasan Wilayah Persekutuan

Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (**Wilayahku**)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: yayasanwp

REALITI KEHIDUPAN

RondaKota

25 NOVEMBER - 1 DISEMBER 2022. Bil 192

Wilayah Ku



RRV permudah kerja menyelamat ketika bencana

PERUBAHAN iklim yang berlaku terutama di ibu negara sejak akhir-akhir ini membimbangkan warga kota. Insiden pokok tumbang akibat ribut petir dan angin kencang di Taman Maluri baru-baru ini yang telah mengorbankan satu nyawa serta mencederakan enam yang lain serta meranapkan beberapa buah kenderaan merupakan antara detik hitam yang memerlukan tindakan susulan bagi mengelakkan perkara tersebut berulang.

Musibah yang berlaku itu turut menjasakan pengguna jalan raya serta peniaga di kawasan tersebut ekoran kerja menyelamat dan membersih kawasan terpaksa dijalankan pihak berkuasa.

SAMBUNGAN DI MUKA 10






FOTO: AMIN FARU HASAN
AZLAN ZAMBRY

DARI MUKA 9

MESKIPUN kawasan tersebut terjejas teruk, Skuad Kecemasan Bahagian Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), yang sentiasa berada dalam keadaan siap siaga melaksanakan operasi menyelamat dan membersihkan kawasan tersebut sekali gus mengembalikan kawasan tersebut seperti sedia-kala dalam tempoh singkat dengan bantuan agensi lain.

Skuad Kecemasan DBKL yang ditubuhkan ini bertujuan untuk menjalankan kerja-kerja menyelamat terutama di kawasan bencana di sekitar bandar raya Kuala Lumpur. Keliatan mereka pasti akan kelihatan ketika banjir kilat, pokok tumbang bahkan untuk menangkap haiwan berbisa turut menjadi salah satu tugasnya.

Ketangkasan setiap pegawai

dan anggota Skuad Penyelamat ini banyak membantu pihak berkuasa dalam menangani apa jua masalah sehingga mereka sering diberi tugas ke seluruh pelosok tanah air bagi melaksanakan misi menyelamat terutama di kawasan banjir.

Bagi melicinkan lagi operasi dan kerja-kerja menyelamat di lapangan, DBKL telah melengkapkan pasukan ini dengan lima buah kenderaan pelbagai guna yang telah diubah suai dikenali sebagai Kenderaan Tindak Balas Pantas atau *Rapid Respond Vehicle* (RRV) yang akan digunakan oleh Skuad Kecemasan Bahagian Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL bagi menyelesaikan aduan awam yang diterima daripada warga kota sebelum ini. Aduan ini diterima melalui dua talian iaitu secara *hotline* iaitu di talian **03-9284 3636** atau melalui aplikasi *Whatsapp* di talian **011-6539 9004**. Kedua-dua talian ini beroperasi 24 jam sehari dan penyelesaian aduan hendaklah diselesaikan dalam tempoh tiga jam setelah diterima.

Dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan untuk setiap aduan yang diterima, ia menjadikan skuad ini mampu melaksanakan setiap tugas kecemasan selain ia mampu menjadi nilai tambah kepada kepentasan dan kecekapan melalui RRV.

Kunci kepada prestasi menonjol pasukan ini lebih terserlah apabila kenderaan trak pikap pacuan empat roda jenis Mitsubishi Triton yang mempunyai enjin MIVEC berkapasiti 2.4 liter digunakan dilihat berupaya untuk melaksanakan misi menyelamat di sekitar ibu kota.

Ciri-ciri terbaru yang terdapat pada kenderaan ini adalah kargo *chasis* kenderaan dibuang sepenuhnya dan pembinaan baru lengkap dengan ruang (*compartment*) peralatan kecemasan yang dikhususkan untuk bantuan kecemasan direka sepenuhnya oleh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal DBKL.

Objektif mewujudkan kendaraan ini adalah bagi mengatasi masalah-masalah yang berlaku disebabkan pengurusan peralatan kecemasan pada kenderaan sedia ada yang tidak teratur. Keadaan ini menyebabkan pasukan bertugas lambat untuk bertindak. Selain itu peralatan dilonggok dalam satu tempat menyebabkan tersalah letak atau tertinggal di Bilik Gerakan. Antara masalah lain adalah peralatan seperti alat pelindung diri (PPE) rosak atau terlampaui kotor kerana disimpan bersama peralatan yang lain serta membahayakan pekerja akibat racun yang dibawa bersama tertumpah di dalam kenderaan kerana tiada ruang khusus.

Kenderaan yang diubah suai ini direka sepenuhnya oleh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal DBKL.

Melalui kenderaan RRV ini, skop kerja yang dijalankan adalah untuk memberi bantuan kecemasan bencana alam seperti pokok tumbang di lokasi awam atau objek yang menghalang laluan awam

sekitar Kuala Lumpur.

Skuad ini juga ditugaskan untuk menyelesaikan atau menangani masalah gangguan binatang liar dan binatang-binatang berbisa seperti ular, lebah dan tebuan serta memberi bantuan kecemasan seperti tumpahan minyak akibat kemalangan jalan raya dan pemusnah sarang lebah dan tebuan di lokasi awam bagi menjaga keselamatan orang awam.

Selain itu, pasukan ini juga turut diminta mengawal keadaan di kawasan runtuh cerun sekitar Kuala Lumpur.

Meskipun keberadaan RRV dilihat seperti berlaku pertindihan kerja dengan agensi penyelamat seperti Angkatan Pertahanan Awam (APM), DBKL sudah mempunyai persefahaman dengan agensi penyelamat lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sekiranya ia melibatkan ancaman haiwan berbisa dan tidak melibatkan nyawa dan Skuad Penyelamat DBKL akan memberikan bantuan segera. **WK**



NGO puji kecekapan DBKL hadapi bencana

KECEKAPAN dan ketangkasan yang dipamerkan pihak Skuad Kecemasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam melaksanakan kerja-kerja menyelamat dan membersih kawasan pasca bencana amat dihargai warga kota.

Menurut Timbalan Presiden Kelab Belia Progresif (KBPRO), **Mohammad Sukhri Ismail** kerja-kerja menyelamat dan pembersihan yang dilakukan kawasan sekitar Kuala Lumpur yang telah ditimpa bencana sangat dengan segera dapat membantu pergerakan warga kota dalam menghadapi musibah yang berlaku.

"Sebagai contoh apabila kawasan di Taman Maluri telah ditimpa bencana pokok tumbang sehingga mengakibatkan kerosakan harta benda, kecederaan dan kematian, Skuad Kecemasan ini menjadi diantara pasukan yang terawal datang untuk menghulurkan bantuan.

"Mereka juga melaksanakan tugas dengan tekun dan cepat bagi memastikan kawasan tersebut boleh digunakan untuk memudahkan warga kota," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Bercerita lanjut, Mohd Sukhri berkata sudah pasti kecekapan dan kepentasan Skuad Penyelamat ini dibantu dengan jentera yang canggih sekali gus dapat melicinkan operasi yang dilaksanakan.

"Saya dapat melihat pasukan ini datang bersama jentera yang dikenali sebagai Kenderaan Tindak Balas Pantas atau *Rapid Respond Vehicle* (RRV).

"Melalui sebuah kenderaan yang telah diubah suai, ia dapat meletakkan pelbagai peralatan menyelamat dan menjadikan sesuatu tugas kecemasan dapat



SUKHRI

dilakukan dengan pantas dan berkesan," katanya.

Ujarnya, Skuad Khas ini merupakan aset yang amat berharga dalam kehidupan warga kota terutama dalam menghadapi situasi mencabar seperti perubahan iklim ekstrem.

"Sudah pasti apabila perubahan iklim yang ekstrem, kita menghadapi hujan lebat yang kerap dan ia mendatangkan risiko seperti yang berlaku di Taman Maluri baru-baru ini.

"Dengan kelengkapan yang ada, ia juga dapat membantu warga kota ketika banjir kilat atau tanah runtuh serta kejadian kecemasan yang lain," katanya.

Tambahnya, penambahan jentera seperti RRV akan menjadikan Skuad Kecemasan ini sebagai skuad elit yang amat bermanfaat kepada seluruh warga Kuala Lumpur. **WK**



DAPATKAN NASKHAH PERCUMA

Lokasi edaran:



JANGAN TERLEPAS EDISI BER CETAK DAN E-PAPER WILAYAHKU

Wilayah Ku



Wilayahku juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti Pejabat Kerajaan, Masjid, Surau, 7 Eleven, 99 Speedmart, stesen minyak dan restoran serta lokasi tumpuan orang ramai.



PREPKOM kemudahan percuma buat penduduk PPR, PA



SYUQQREE MOHD DAIN

PUSAT Pemerkasaan Pendidikan dan Komuniti (PREPKOM) merupakan sebuah inisiatif oleh Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan terletak di 10 lokasi Projek Perumahan Rakyat (PPR) serta Perumahan Awam (PA) di sekitar Wilayah Persekutuan. Ia merupakan sebuah pusat

kemudahan buat anak-anak PPR/PA membuat ulang kaji pelajaran dengan suasana pembelajaran yang lebih kondusif dilengkapi kemudahan percuma seperti akses internet, komputer serta mesin pencetak.

Selain itu, PREPKOM juga dijadikan sebagai pusat bagi aktiviti sosial komuniti setempat seperti kelas mengaji, bengkel kraf tangan serta banyak lagi dan mampu memuatkan sehingga 30 orang dalam suatu masa.

Kemudahan seperti pinjaman kerusi roda juga turut disediakan kepada penduduk yang memerlukan. **WK**



ANTARA fasiliti yang disediakan bagi kemudahan penduduk serta anak-anak di PPR Hiliran Ampang, Kuala Lumpur ketika tinjauan Wilayahku pada Selasa lalu.



Kuala Lumpur: Dahulu dan Sekarang



SYUQQREE MOHD DAIN

WILAYAH Persekutuan Kuala Lumpur telah dinobatkan sebagai ibu negara Malaysia sebaik sahaja negara bebas dari jajahan British. Ia juga merupakan bandar metropolitan yang pesat membangun dari sudut bilangan penduduk dan ekonomi.

Setelah 65 tahun negara kita mencapai kemerdekaan, pelbagai perubahan dan pembangunan dapat dilihat di Kuala Lumpur termasuk landscap dan fasiliti.

Kejayaan demi kejayaan telah dikecapi oleh negara saban tahun dan tidak dinafikan ia banyak dipengaruhi oleh ibu negara Malaysia sendiri iaitu, Kuala Lumpur.

Sebahagiannya dapat diterjemahkan melalui potret yang tidak ketinggalan dirakam oleh Wilayahku. Untuk itu, apa kata luangkan masa menghayati seketika suasana bandar raya Kuala Lumpur dahulu dan sekarang. **W.K**



Anita Sarawak baik-baik saja – Noorkumalasari



DEEL ANJER

SEBELOM ini, pelbagai spekulasi timbul berkaitan keadaan penyanyi veteran Anita Sarawak, 70.

Antara andaian yang cukup hangat diperkatakan kononnya penyanyi Tragedi Buah Epal itu sedang terlantar kerana penyakit kanser.

Namun adiknya yang juga primadona filem 80-an, seniwi Noorkumalasari atau mesra dengan

panggilan Kak Noor menepis dakwaan tersebut dan mengesahkan Anita berada dalam keadaan sihat walafiat.

Menurut Noorkumalasari, Anita yang kini bermastautin di Las Vegas, Amerika Syarikat dikhaskan sebagai baik-baik sahaja di samping suami, Mahathir Abdullah.

"Saya ada juga mendengar khabar angin itu, tetapi dia sebenarnya sihat sahaja dan tidak sakit seperti didakwa," katanya.

Pelakon filem Adik Manja itu berkata sedemikian ketika ditemui sewaktu hadir ke Forum Antara Cantik dan Bakat: Di Manakah Magis Pengukuh Kredibiliti?

Forum tersebut adalah anjuran bersama Persatuan Wartawan dan Penulis Hiburan Malaysia (WHAM) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), baru-baru ini.

Kak Noor pada masa sama juga mengakui dia sudah lama tidak berhubung dengan Anita.

"Mungkin sebab saya berkawan baik dengan rakan-rakan media, jadi dia lebih selesa untuk berhubung dengan kakak sulung kami. Yang pasti, dia dalam keadaan baik bersama suami," tambahnya.

Sebelum ini, khabar angin

mendakwa Anita bukan saja menderita sakit kanser, malah turut dikatakan sudah bercerai dengan suaminya, Mahathir Abdullah, bahkan lebih teruk, dia diuar- uarkan meninggal dunia. **W.K**



Isa lebih manja, suka berdukung – Akim Ahmad

AKIM Ahmad mendedahkan anak keduanya, Isa yang dilahirkan pada 6 Ogos lalu lebih manja berbanding kakaknya yang mesra disapa Beyya dan Eshaal.

Penyanyi itu berkata dia teruja kerana kini mendapat pengalaman menguruskan anak lelaki.

"Alhamdulillah, bayi makin sihat dan sudah mengambil vaksin pertama, baru-baru ini. Rasa seronok memandangkan sebelum ini kami sudah miliki dua cahaya mata perempuan."

"Jadi bila ada anak lelaki ni, rasa berbeza. Bagi saya, dia lebih manja. Misalnya kalau waktu hendak tidur, mesti berdukung berbeza dengan kakaknya yang sebelum ini."

"Kalau tidak, akan merengek. Nak kena dukung, tepuk-tepuk. Sepanjang tiga bulan lalu, memang saya banyak berjaga malam-lah," ujarnya teruja.

Akim berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Absolut Music Festival di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC), baru-baru ini.

Berkongsi mengenai nama ringkas anaknya itu, Akim menjelaskan dia dan isterinya, penyanyi Stacy sepakat mahu memberi nama yang mudah dan mempunyai maksud yang baik.

"Saya tidak mahu nanti pening untuk tulis nama. Kami memang sepakat pilih nama Isa. Sebelum ini ada juga beberapa nama lain."

"Tapi kami putus untuk pilih nama yang unik dan maksudnya juga baik. Mudah-mudahan anak kami besar sebagai anak soleh," kongsinya lagi.



Akim dan Stacy sah menjadi suami isteri pada Februari 2016. Hasil perkahwinan, mereka dikurniakan cahaya mata perempuan diberi nama Eshaal yang kini berusia lima tahun.

Pasangan itu turut mempunyai seorang anak angkat yang disapa Beyya, yang kini sudah memasuki usia sembilan tahun.

PENYANYI Adira Suhaimi mengaku sudah 'tutup kilang' selepas selamat bersalin anak keempatnya, hujung September lalu.

Susulan itu, Adira, 31, berkata keputusan tersebut turut dibuat atas faktor kesihatan.

"Cukuplah dengan empat orang anak. Saya sudah lakukan *Bilateral Tubal Ligation* (BTL) atau 'ikat peranakan'."

"Bukan kerana saya jenis yang 'subur' atau bagaimana cuma saya sudah empat kali bersalin secara pembedahan *caesarean*.

"Jadi mungkin akan ada risiko kalau saya hamil lagi. Atas sebab tertentu dan nasihat doktor, saya bersetuju (ikat peranakan).

"Begini juga dengan suami. Cukuplah dua lelaki dan dua perempuan. Biarlah saya fokus dengan empat orang cahaya mata ini. *Alhamdulillah*, saya merasakan kehidupan saya sudah lengkap."

"Saya sangat bersyukur dengan apa yang ada sekarang, termasuk di dalam soal kerjaya juga," katanya kepada Wilayahku.

Saya jenis yang 'subur' - Adira

Adira berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Anjuran Body Flassth Drincks, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Majlis sama turut menyaksikan pelantikannya sebagai wajah produk BodyFlassth Drincks, minuman yang mampu mengawal selera makan.

Ditanya mengenai pemilihan nama anak bongsunya, Ayub, Adira menjelaskan dia selesa memilih nama yang senang disebut.

"Saya suka nama anak yang ringkas. Mudah untuk kita ingat. Kalau di sekolah pun, orang akan panggil nama pendek juga. Jadi lebih baik untuk saya memudahkan."

"Apa nama yang diberikan, kita pun panggil itu sahaja. Macam Ayub dia takkan boleh dipanggil pendek lagi kan? Nama tiga anak saya yang lain pun ringkas juga iaitu Anggrek, Asan, dan Anggun," katanya lagi.

Sekadar info, penyanyi lagu Ku Ada Kamu itu mendirikan rumah tangga dengan Datuk Seri Adnan Abu atau sinonim disapa sebagai Datuk Red pada 3 Disember 2015.



Afif Tirmizie rela mata terkoyak, berdarah

PENYANYI yang diberi jolokan Judika Malaya, Afif Tirmizie kini tampil mempertaruhkan lagu Kabus ciptaan penuh Amylea Azizan.

Lagu yang semakin diminati ramai ini juga melatari filem Halimun yang sedang ditayangkan di Astro First.

"Saya amat berterima kasih kepada penerbit filem ini atas kepercayaan diberikan kepada saya untuk menyanyikan lagu tema Halimun lakonan Beto Kusyairy dan Nabila Huda."

"Liriknya pun sangat bersesuaian dengan jalan cerita Halimun, kisah seorang suami yang amat menghargai dan

menyayangi isterinya malah tidak sanggup kehilangan wanita tersebut," katanya.

Bercerita pengalamannya menjalani penggambaran klip video Kabus, Afif mendedahkan matanya berdarah akibat terkena bucu almarai ketika menjayakan babak tarian.

Katanya, dia dikehendaki memakai kanta lekap berwarna putih, sekali gus menjadi buta, namun pada masa sama perlu menari.

"Ketika menari, saya sepatutnya melakonkan aksi rebah dan terjatuh, tetapi disebabkan mata yang tak

nampak, terjadi insiden yang tak diingini.

"Masa saya rebah tu, terkena pula bucu kabinet yang terdapat di situ sehingga membuatkan hujung mata terkoyak dan berdarah."

"Syukurlah kecederaan tak serius dan sudah pulih sepenuhnya tanpa ada sebarang kesan sampingan," dedah Afif yang juga seorang guru vokal itu.



MEDIA WARGA KOTA

Dapatkan

di lebih 500 lokasi

terpilih di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan

* Maklumat lanjut layari: www.wilayahku.com.my *






FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN
HAZIRAH HALIM

MERUPAKAN resipi turun-turun daripada arwah atuk, Pau Pak Ngah yang diusahakan pasangan adik-beradik **Nur Afifah Roslan** bersama abangnya, Muhammad Afiq Roslan bebas daripada sebarang bahan pengawet.

Malah legasi pau yang mempunyai 10 cawangan di sekitar Lembah Klang dan Negeri Sembilan ini menjadi pujaan ramai dek kerana intinya yang padat serta teksturnya yang gebu selain mempunyai 12 perisa unik.

Bercerita lanjut tentang Pau Pak Ngah, Nur Afifah berkata perniagaan yang bermula sejak 1980-an ini mula diambil alih oleh bapanya pada tahun 2007 yang mana ketika itu hanya terdapat tiga perisa sahaja iaitu kaya, kacang merah dan kelapa.

"Kemudian, ayah tambah tiga perisa lain iaitu coklat, kari daging dan kari ayam. Namun, selepas kami mengambil alih perniagaan sekira tahun 2003, kami menambah perisa baharu yang digabungkan dengan cita rasa barat," katanya kepada *Wilayahku*.

Katanya, selain mengekalkan perisa tradisi keluarga, dia juga memberi suntikan cita rasa baharu dengan gabungan timur dan barat untuk inti paunya iaitu *cheesy beef bolognese*, *cheesy chicken bolognese*, *mushroom chicken carbonara*, *black pepper beef* dan *black pepper chicken*.

"Kita ingin mencipta kelainan dengan memperkenalkan perisa yang tiada di pasaran iaitu *cheesy beef bolognese* dan *mushroom chicken carbonara* yang mana kedua-duanya ditaburi daun oregano dan serbuk lada hitam sekali gus menjadikan rasanya seperti spaghetti sebenar."

"Selain itu, Pau Pak Ngah turut mengeluarkan perisa bermusim yang dikeluarkan pada bulan tertentu antaranya pau *golden salted egg*, pau *pop unicorn*, pau sambal ikan bilis dan pau rendang daging."

"Ini adalah sebahagian daripada kelainan yang membuat pelanggan sentiasa ternanti-nanti kerana tidak terdapat di tempat lain. Misalnya pau *pop unicorn*, ia dihasilkan dalam bentuk berwarna-warni seakan pelangi dan berinti jagung kastard," ujarnya menjelaskan pau tersebut sering menjadi pilihan kanak-kanak.

Tarik minat selebriti popular **Pau Pak Ngah ketengah inti unik**



Menurut Afifah, mereka sentiasa melakukan pemerhatian berterusan untuk menepati cita rasa pelanggan dari semasa ke semasa dan sering menerima respons positif daripada pelanggan.

"Setiap peniaga mahukan keuntungan tetapi kepuasan pelanggan menjadi keutamaan kami. Sekiranya ramai pelanggan tertarik dengan perisa kaya maka kita akan prosesnya berlebihan," katanya yang mempunyai tujuh kakiangan di ibu pejabat.

Setakat ini, Pau Pak Ngah yang popular dengan tagline 'inti penuh dari gigitan pertama hingga terakhir' ini mampu terjual sebanyak 2,000 biji termasuk pau sejuk beku dengan harga serendah RM2.80 sebiji.

Bagi menarik perhatian pelanggan, Pau Pak Ngah memberikan 50 biji pau berperisa kaya secara percuma kepada 50 pelanggan terawal yang datang ke setiap cawangannya bermula awal November lalu bersempena pembukaan cawangan baharu di Nilai.

PILIHAN SELEBRITI

TERBAHARU, Pau Pak Ngah turut berkolaborasi bersama cef dan selebriti Datuk Fazley Yaacob menerusi Suka Sucre Bistro dengan memperkenalkan perisa baharu iaitu pau *creme brule* yang menjadi tarikan paling popular.

Bercerita lanjut tentang kolaborasinya bersama Fazley Yaacob, Nur Afifah berkata cef tersebut merupakan pelanggan tetap Pau Pak Ngah sejak sekian lama.

"Sememangnya kami berbesar hati dapat menjalinkan kerjasama dengan nama besar lebih-lebih lagi kami hanyalah peniaga jalanan sahaja," katanya yang turut menghasilkan pau sejuk beku berharga RM12 satu

pek yang mengandungi tiga biji.

Dalam pada itu, Afifah berkata pihaknya juga turut membuka tempahan untuk sebarang majlis mengikut pakej dan harga yang ditetapkan. **WK**

INFO Pau Pak Ngah

Cawangan Pau Pak Ngah:
Giant 9 Avenue, Nilai, Bukit Indah, Ampang, Giant Permata, Taman Melawati, Taman Greenwood, Gombak, Kampung Melayu, Sungai Buloh, SS19, Subang, Giant, Seksyen 7, Shah Alam, Taipan, Setia Alam, Taman Tun Dr Ismail

Hubungi: 016-287 5125 (HQ)

Operasi: Isnin, Rabu, Khamis, Jumaat, Sabtu dan Ahad (12 tengah hari hingga 7 malam)

Media sosial: Instagram, Facebook dan Twitter: @paupakngah

Website: <https://linktr.ee/paupakngah>



PAU Pak Ngah mempunyai 12 perisa antaranya pau *pop unicorn*, *mushroom chicken carbonara* dan *creme brule* yang menjadi 'best seller' dan menarik perhatian pelanggan.

Pengurusan urbanisasi bantu tingkat produktiviti

MUHAMMAD NAZHAN

JUMLAH penduduk Lembah Klang sudah melebihi lapan juta pada 2020. Penghijrahan tenaga kerja ke ibu kota meningkatkan jumlah itu dan ia bukan perkara asing sejak dahulu. Hal itu menjadikan populasi di Lembah Klang semakin hari semakin bertambah padat.

Kepadatan itu membuat kita terfikir pro dan kontra menjadi warga kota. Bukan apa, ia untuk membuka fikiran dalam memilih keutamaan dalam perancangan bandar. Jumlah penduduk yang padat, risiko bencana alam dan krisis kesihatan seharusnya antara hal yang perlu diambil kira.

Secara teori, perbandaran dan penghijrahan ke bandar adalah hal yang positif. Produktiviti manusia meningkat ketika hidup dalam berkumpulan, walaupun terdapat kesan negatif seperti kesesakan dan pencemaran alam.

Hal ini boleh terzahir apabila terdapat lebih banyak pelbagai peluang perniagaan, pekerjaan dan jenis perkhidmatan di kawasan bandar berbanding di luar bandar. Produktiviti ini lantas memberi nilai tinggi untuk tinggal di bandar dan manusia bertoleransi terhadap aspek negatif.

Namun, apakah manfaat ini bertambah selari dengan peningkatan populasi di Kuala Lumpur dan Lembah Klang? Setiap lokasi mempunyai satu tahap produktiviti



yang optimum. Tanpa kawalan pembangunan, nilai produktiviti itu akan menurun, meskipun populasinya bertambah.

Keadaan ini samalah dengan tubuh badan manusia, apa-apa yang diambil secara berlebihan dan berpanjangan bukan perkara yang baik untuk kesihatan. Akibatnya, tidak hairanlah jika muncul pelbagai perkara yang menggusarkan warga kota antaranya risiko banjir besar, kedaifan bandar, kesesakan sistem pengangkutan, masalah kesihatan emosi dan lambakan harta tanah yang terbiasa tanpa produktiviti.

Jika benar produktiviti menurun

dengan kemudarat hidup di bandar lebih tinggi, agak pelik jika ramai masih memilih untuk menetap di kawasan bandar. Besar kemungkinan, kita bukan mencari nilai produktiviti optimum itu, tetapi mangsa yang 'terperangkap' dalam dilema untuk memilih lokasi yang manakah kurang mudaratnya.

Barangkali, jika tidak berhijrah ke bandar produktiviti dan kepuasan hidup kita jauh lebih rendah. Kita bukan sahaja kesukaran mendapatkan pekerjaan yang sesuai, tetapi juga pelbagai manfaat lain.

Dilema 'terperangkap' ini adalah

satu keadaan kritis yang muncul di bandar dan metropolitan di negara membangun. Kajian menunjukkan bahawa bandar di negara membangun tidak produktif walaupun dengan populasi yang padat.

Kesesakan jalan raya, kadar jenayah dan pencemaran alam jauh lebih tinggi berbanding di bandar dalam negara maju. Terdapat juga bandar negara membangun yang sedang berusaha mencari jalan keluar. Misalnya, Jakarta di Indonesia kini di dalam perancangan berpindah ke Kalimantan kerana gusar akan risiko banjir.

Malah, kerajaan Thailand pula sedang berusaha melibur dan membangunkan bandar pintar di luar kota Bangkok.

Pengkaji Barat dalam pemerhatian mereka terhadap bandar-bandar di China dan Korea menyimpulkan bahawa urbanisasi masih boleh memberikan produktiviti dalam kehidupan jika diiringi transformasi struktur serta industri yang lebih luas.

Dalam erti kata lain, ada dua langkah untuk keluar daripada dilema ini. Langkah pertama adalah untuk membangunkan infrastruktur dan prasarana yang secukupnya supaya ibu kota dapat menampung kepadatan sedia ada di Lembah Klang. Ini termasuklah soal perumahan, pengangkutan awam, servis kesihatan, penjagaan kanak-kanak, ruang interaksi sosial serta pengurusan bencana.

Langkah ini membolehkan Lembah Klang dan Kuala Lumpur kekal menjadi tumpuan dan menambah manfaat hidup di dalam bandar.

Langkah kedua adalah membina urbanisasi di kawasan lain yang mempunyai potensi bersaing dengan Lembah Klang dan Kuala Lumpur. Ini juga relevan kerana pembangunan urbanisasi yang hanya tertumpu di satu kawasan sahaja bersifat 'pi mai pi mai tang tu'. Kitaran masalahnya masih berpanjangan. Contohnya, nilai harta tanah pasti akan mencanak-canak naik atas alasan pembangunan infrastruktur baharu di Lembah Klang.

Selain itu, ketidakseimbangan pertumbuhan di wilayah lain di luar Lembah Klang sukar diatasi. Ini boleh menyebabkan wilayah lain ketinggalan dalam aspek sosial dan ekonomi.

Justeru, kita wajar mencari semula rentak pengurusan urbanisasi demi mencapai pembangunan negara yang lebih seimbang. Pengurusan bandar harus dinilai lebih kritis ketika kita berhadapan ketidaktentuan ekonomi global, jurang sosial dan risiko perubahan iklim.

Apakah ini berubah dengan hanya pembukaan lebuh raya baharu? Semoga perbandaran yang makmur menjadi tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi negara kita yang diramal sebagai antara yang pesat menjelang 2030.

Pentingnya polisi kesihatan mental di tempat kerja



DR SAFIAH OMAR

SETIAP individu yang bekerja mempunyai pelbagai cabaran dalam mencapai objektif dan tujuan deskripsi tugas mereka. Secara purata, lapan jam sehari digunakan untuk melaksanakan tugas mereka secara fizikal di pejabat atau secara 'atas talian' di rumah. Jika dilihat dalam kehidupan seseorang individu, mereka terdedah kepada pelbagai keadaan terutama dalam keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi. Ini kerana seorang individu memainkan pelbagai peranan penting termasuk sebagai seorang pekerja, seorang ayah atau ibu, seorang anak, seorang kakak, adik atau abang serta seorang ahli dalam komuniti kehidupan sosial mereka. Kesemua peranan ini mempunyai cabaran yang tersendiri dan jika tidak ditangani dengan baik, individu tersebut akan terdedah kepada pelbagai emosi negatif seperti tekanan, keresahan dan paling ditakuti adalah kemurungan.

“Secara global, Organisasi Buruh Antarabangsa atau dikenali sebagai ‘International Labour Organization (ILO)’ memberikan perlindungan kepada golongan kurang upaya yang menetapkan prinsip layanan dan pekerjaan yang sama dengan golongan pekerja normal.”

Pada 28 September yang lalu, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Menteri Kesihatan pada waktu itu memaklumkan bahawa mereka memohon peruntukan tambahan untuk kesihatan mental sebanyak 2.5 peratus bagi bajet tahun 2023. Perkara ini mendapat tumpuan dari pelbagai pihak kerana trend kes bunuh diri menunjukkan peningkatan sebanyak 81% pada tahun 2021 berbanding tahun 2020. Sebanyak 1,142 kes dilaporkan untuk tahun 2021 oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) berbanding 631 kes pada tahun 2020.

Negara Malaysia mempunyai Akta Kesihatan Mental 2001 dan Peraturan Kesihatan Mental 2010 yang memfokuskan kepada isu dari segi penjagaan psikiatri termasuk rawatan, kawalan, perlindungan, dan rehabilitasi untuk pesakit mental. Akan tetapi, akta dan polisi

tersebut adalah dari segi perubatan dan rawatan secara am. Namun apa yang diperlukan dengan situasi sekarang adalah galakan bagi pembuatan polisi yang melindungi pekerja yang mengalami isu dalam kesihatan mental mereka. Ini kerana statistik menunjukkan isu kesihatan mental di tempat kerja adalah semakin meningkat setiap tahun.

Secara global, Organisasi Buruh Antarabangsa atau dikenali sebagai ‘International Labour Organization (ILO)’ memberikan perlindungan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang menetapkan prinsip layanan dan pekerjaan yang sama dengan golongan pekerja normal. Pada konvensyen ‘Vocational Rehabilitation and Employment of Disabled Persons No 159 (1983)’ tersebut, mereka mentakrifkan OKU sebagai individu yang mempunyai prospek tidak dapat mengekalkan atau kemajuan

dalam pekerjaan yang berkurangan secara ketara disebabkan oleh kecacatan fizikal atau mental yang diiktiraf dengan sewajarnya. Antara jenis kesihatan mental yang lazim dihadapi oleh pekerja termasuk kemurungan, keresahan dan lain-lain. Namun begitu, kita dapat lihat rata-rata organisasi di Malaysia lebih mengutamakan polisi perlindungan kepada golongan kurang upaya yang dapat dilihat secara fizikal manakala golongan kurang upaya secara mental tidak mendapat perhatian yang secukupnya.

Polisi yang spesifik bagi melindungi golongan pekerja yang terjejas akibat isu kesihatan mental ini perlu disediakan dan diperhalusi oleh organisasi di Malaysia. Ini kerana mereka juga tergolong dalam golongan kurang upaya secara mental tetapi mereka mempunyai bakat, ilmu dan keupayaan yang menyumbang kepada prestasi dan kemajuan organisasi seperti pekerja-pekerja yang normal.

Mengapa polisi ini penting dalam organisasi? Sesiaapa sahaja boleh terdedah kepada isu kesihatan mental, sama ada golongan pekerja profesional ataupun pelaksana di dalam organisasi. Tiada individu

yang kebal dari isu kesihatan mental ini, malah seorang doktor, guru, pengurus, pengarah, peguam dan lain-lain lagi juga mempunyai isu kesihatan mental.

Pada masa yang sama, golongan ini juga mempunyai kebolehan yang profesional dan sangat signifikan untuk kemajuan sebuah organisasi itu. Jika kita boleh menggubal polisi bagi perlindungan golongan OKU fizikal, mengapa kita tidak boleh mengadakan polisi perlindungan yang sama kepada golongan OKU mental ini?

Negara kita masih perlukan pendedahan secara keseluruhan bagi kesedaran kesihatan mental di tempat kerja dari segi pencegahan, rawatan dan perlindungan.

Persoalannya, siapakah yang perlu ke hadapan dengan inisiatif polisi ini di dalam sebuah organisasi? Adakah ianya perlu datang dari Jabatan Sumber Manusia atau dari pihak pengurusan tertinggi di dalam organisasi?

PENULIS merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengurusan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya, dan boleh dihubungi di safiah@um.edu.my.

Bagaimana pasaran karbon boleh membantu Malaysia

LI-KAI CHEN & VAIBHAV DUA

MALAYSIA mensasarkan untuk menjadi negara neutral karbon seawal tahun 2050 dan mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 45 peratus (%) menjelang 2030. Memenuhi matlamat ini memerlukan bukan sahaja mengurangkan pelepasan tetapi juga membuka kunci penyerapan karbon sepenuhnya daripada hutan dan persekitaran semula jadi.

Penyerapan karbon boleh ditingkatkan melalui aktiviti seperti memulihkan hutan yang terdegradasi, bakau dan tanah gambut serta pengurusan tanah yang lebih baik. Penyelesaian berasaskan alam semula jadi (NBS) boleh membantu Malaysia maju ke arah neutraliti karbon terutamanya jika ia disambungkan kepada pasaran karbon yang berfungsi dengan baik.

Projek sedemikian boleh menerima kredit karbon — ditakrifkan sebagai sijil yang mewakili satu tan setara karbon dioksida (CO₂) yang sama ada dihalang daripada dipancarkan atau dikeluarkan dari atmosfera. Kredit karbon biasanya dibeli dalam pasaran karbon sukarela oleh syarikat untuk meneutralkan atau mengimbangi pelepasan mereka.

Dalam sesetengah sistem penetapan harga karbon pematuhan seperti sistem perdagangan pelepasan atau rejim cukai karbon, syarikat juga boleh menggunakan kuantiti kredit karbon yang terhad untuk memenuhi komitmen pematuhan mereka.

Menurut McKinsey Nature Analytics, Malaysia boleh mempunyai potensi kredit sehingga 40 juta tan CO₂ setiap tahun melalui projek NBS. Kerajaan persekutuan telah mengumumkan hasratnya untuk menubuhkan pasaran karbon sukarela yang akan membolehkan syarikat Malaysia membeli kredit karbon, mewujudkan harga karbon rujukan di negara ini.

Pasaran karbon yang berjaya memerlukan permintaan, dan terdapat petunjuk yang menggalakkan. Di peringkat global, permintaan untuk kredit karbon telah berkembang pesat. Pada 2021,



lebih daripada AS\$1 bilion kredit karbon telah didagangkan dalam pasaran sukarela.

Di Malaysia, hampir satu pertiga daripada 80 syarikat teratas telah mengisyiharkan sasaran pengurangan pelepasan. Sebahagian besar pelepasan negara datang daripada sektor tenaga dan perindustrian berat, di mana walaupun dalam sektor pengurangan GHG, kredit karbon mungkin diperlukan untuk mengimbangi pelepasan sisa. Ia mungkin hanya menunggu masa sebelum permintaan untuk kredit karbon meningkat di Malaysia.

Pasaran juga memerlukan bekalan. Menurut penyelidikan McKinsey, Malaysia pada masa ini hanya mempunyai dua projek karbon aktif, menyumbang kurang daripada satu megaton (Mt, juta tan) CO₂ bagi terbitan kredit karbon — lebih kurang daripada Indonesia (85 MtCO₂), Kemboja (40 MtCO₂) dan Thailand (lima MtCO₂). Meningkatkan bekalan kredit karbon di Malaysia adalah penting untuk mewujudkan pasaran karbon yang berkesan.

Skala pasaran karbon di Malaysia memerlukan empat buka kunci:

1. Mengharmonikan reka bentuk karbon sukarela dan pasaran pematuhan

Pasaran karbon pematuhan ialah pasaran di mana rejim negara, serantau atau antarabangsa wajib berdagang dan mengawal selia elauan karbon. Pasaran karbon sukarela ialah pasaran di mana syarikat dan individu memperdagangkan kredit karbon secara sukarela.

Pihak berkepentingan memerlukan kejelasan tentang cara pasaran sukarela dan pematuhan berfungsi bersama terutamanya sama ada dan cara kredit karbon boleh digunakan dalam pasaran pematuhan di negara ini. Sebagai contoh, mereka perlu mengetahui sama ada terdapat sebarang had pada penggunaan kredit dalam pasaran pematuhan. Peserta pasaran juga memerlukan kejelasan sama ada kredit karbon boleh didagangkan dengan pasaran karbon lain di luar negara. Pengalaman daripada pasaran lain seperti Colombia menunjukkan bahawa apabila kuantiti terhad kredit karbon sukarela boleh digunakan dalam pasaran pematuhan, yang menghantar isyarat kuat kepada pembeli, dan boleh mempercepatkan skala dan kadar penggunaan.

2. Tentukan peraturan yang jelas untuk pembangunan projek

Di Malaysia, guna tanah adalah urusan negeri. Ini bermakna setiap negeri boleh meneruskan

strategi mereka sendiri untuk memperuntukkan tanah dan sumber untuk projek karbon. Langkah pertama yang baik ialah mewujudkan penyesaran rapat antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan mengenai dasar untuk menggalakkan pembangunan projek karbon. Merangka garis panduan yang jelas untuk pembangunan projek, menunjukkan keutamaan sektor atau geografi untuk projek dan menjelaskan metodologi dan proses untuk peruntukan akan memberikan kejelasan dan keyakinan kepada bakal pemaju projek. Malaysia telah melakukan sesuatu yang serupa sebelum ini, dengan beberapa projek menjana pengurangan pelepasan yang diperakui di bawah Mekanisme Pembangunan Bersih.

3. Tingkatkan pembiayaan karbon

Mekanisme pembiayaan projek karbon kini kurang di Malaysia. Kerajaan boleh menyokong pemaju projek untuk berhubung dengan institusi kewangan global dan dana pelaburan. Ia juga mungkin ingin mempertimbangkan geran atau bentuk sokongan kewangan lain. Institusi tempatan boleh mula membina kepakaran, contohnya dengan bekerjasama dengan institusi antarabangsa yang berpengalaman dalam membiayai projek karbon.

“Pasar karbon yang berjaya memerlukan permintaan, dan terdapat petunjuk yang menggalakkan. Di peringkat global, permintaan untuk kredit karbon telah berkembang pesat. Pada 2021, lebih daripada AS\$1 bilion kredit karbon telah didagangkan dalam pasaran sukarela.”

4. Bina keupayaan tempatan

Malaysia pada masa ini mempunyai sangat sedikit pemaju projek tempatan dan badan pengesahan dan pengesahan (VVBs). Membina rantaian bekalan pembangunan projek tempatan adalah penting untuk melaksanakan projek pada kos yang kompetitif. Kerjasama dengan piawaian karbon global terkemuka ialah satu cara untuk membantu pemaju projek tempatan yang berminat membina keupayaan dan amalan terbaik dengan cepat. Begitu juga dengan mengenal pasti pemain tempatan yang boleh dilatih untuk menawarkan perkhidmatan VB dan kemudian menyokong mereka dalam mendapatkan akreditasi daripada kerajaan dan piawaian utama karbon global.

Memandangkan projek NBS boleh mengambil masa sehingga lima tahun sebelum mereka bersedia untuk mengeluarkan sebarang kredit karbon, Malaysia perlu bertindak segera jika projek tersebut ingin menyumbang kepada sasaran karbon 2030 negara. Dan mereka boleh melakukan lebih banyak lagi: terima kasih kepada endowmen hutan yang kaya, Malaysia mempunyai peluang untuk bukan sahaja mengurangkan pelepasannya sendiri tetapi juga untuk mencipta lebih banyak penyerapan untuk menyokong penyahkarbonan global.

PENULIS merupakan rakan kongsi kanan dan rakan kongsi di McKinsey & Co di Kuala Lumpur. Rohan Jain ialah perunding di McKinsey & Co di Singapura.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE	HALF PAGE	QUARTER PAGE	PANEL PAGE [INNER]
26cm X 33cm RM7,500	26cm X 17cm RM5,500	12cm X 17cm RM4,500	26cm X 6cm RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500
MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000
MEDIUM RECTANGULAR 360px X 280px RM1,500
HALF PAGE 360px X 500px RM1,000

MEDIA WARDA KOTA

Wilayah Ku

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)

Operasi & Permasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

Polis Labuan tidak terima laporan salah laku sepanjang tempoh PRU15



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

POLIS Labuan mengesahkan tidak menerima sebarang laporan berkaitan salah laku proses berkempen yang dilakukan oleh parti yang bertanding sepanjang berkempen pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), baru-baru ini.

Menurut Ketua Polis Daerah Labuan, **Superintendent Ahmad Jawila**, sepanjang tempoh berkempen PRU15 pihaknya tidak ada menerima sebarang laporan berkaitan perbuatan khianat oleh mana-mana pihak.



AHMAD JAWILA

Berdasarkan pemantauan pasukan cantas yang ditugaskan untuk memantau kesemua ceramah yang berlangsung tidak ada dikesan mana-mana parti yang melontarkan isu-isu sensitif, ini satu yang baik untuk landskap politik di pulau ini.

“Secara keseluruhannya, kesemua parti yang bertanding menunjukkan pematuhan dan prestasi baik dalam tempoh berkempen dengan mematuhi peraturan dan undang-undang Akta Pilihan Raya,” katanya kepada pemberita baru-baru ini.

Terdahulu, pada PRU15 seramai 44,484 pemilih telah layak mengundi berbanding pada PRU-14 hanya 28,356 pemilih.

WK



AHMAD (empat dari kiri) bersama pasukannya yang bertugas bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan sepanjang tempoh Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Labuan Op rangkul juara E-Sport Mobile Legends Masjid Jamek An-Nur



KUMPULAN Labuan Op menerima sijil penyertaan dan hadiah wang tunai RM1,000 dalam Pertandingan E-Sport Mobile Legends Masjid Jamek An-Nur Labuan 2022 baru-baru ini.

KUMPULAN Labuan Op muncul juara bagi Pertandingan E-Sport Mobile Legends Masjid Jamek An-Nur Labuan 2022 yang diadakan baru-baru ini.

Kumpulan tersebut membawa pulang hadiah pertandingan itu yang merupakan wang tunai sebanyak RM1,000.

Naib johan disandang oleh kumpulan King Dunot untuk menerima hadiah wang tunai RM750. Manakala tempat ketiga dimenangi oleh kumpulan Just 4Relax membawa pulang hadiah wang tunai RM500.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Labuan Esport dengan kerjasama Masjid Jamek An-Nur Labuan itu telah disertai lebih 60 peminat permainan Mobile Legends melibatkan penyertaan anak-anak muda.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Penolong Pengarah Kanan Cawangan Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan (JAWI), Ustaz Ghaus Musa.

Menurut Pengarah Program, **Firdaus Ahmad**, pertandingan yang julung kalinya diadakan ini bertujuan

membina masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin, berakhlik tinggi dan bergerak maju dalam bidang sosial dan ekonomi serta membina masyarakat yang sihat, cergas dan berbudaya sukan kearah perpaduan.

“Selain itu menyediakan platform anak muda menggunakan kebolehan bermain permainan mobile dalam persaingan yang sihat.

“Disamping itu mendekatkan anak muda untuk hadir ke masjid untuk solat berjemaah, bersosial dengan pelbagai lapisan masyarakat” katanya. WK

Nur Athikah juara Pertandingan Penulisan Kreatif MBMMBI

PELAJAR Tingkatan Enam Atas Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Labuan, **Nur Athikah Hamdan** telah melakar sejarah tersendiri apabila muncul sebagai johan dalam Pertandingan Penulisan Kreatif MBMMBI kategori menengah atas peringkat kebangsaan, baru-baru ini.

“Kemenangan ini adalah sesuatu di luar jangkaan kerana hasrat awal hanyalah untuk penyertaan sahaja. Syukur kepada Allah,” katanya ringkas yang telah dibimbing oleh Nasthashia Masiri@Masrih.

Dengan kejayaan itu, beliau membawa pulang hadiah kemenangan berupa sebuah trofi dan sijil.

Sementara itu, Pengetua SMK

Labuan, **Mohd Nizam Yasim** melahirkan rasa bangga atas kemenangan yang diraih.

“Ini dapat membuktikan bahawa slogan Wilayah Persekutuan Labuan Superb bukan hanya sebuah slogan retorik tetapi merupakan manifestasi dan keazaman murid-murid Labuan apabila bertanding di peringkat kebangsaan.

“Kejayaan beliau juga turut mengharumkan nama SMK Labuan dan Wilayah Persekutuan Labuan amnya,” tambah beliau.

Selain itu, kontingen Labuan juga berjaya meraih tempat terbaik dalam kategori masing-masing.

Antaranya ialah Akif Kitli (SM St. Anthony), Moses Yii Xi Hong (SMK

Labuan), Faiza Amalina Amdan (SM Sains) dan Janice Ann Julius (SM St. Anne).

Pertandingan koakademik anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia itu telah menarik penyertaan dari seluruh negara dalam pelbagai kategori.

Majlis pengumuman keputusan telah dibuat di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sesi penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD, Jabatan Pendidikan Kuala Lumpur, Dr Zalina Mohd Tahir. WK



NUR Athikah (dua dari kanan) setibanya di Lapangan Terbang Labuan dan disambut oleh kedua-dua ibubapanya.

PERADUAN MEWARNA PM192



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....
.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM192".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah 3 DISEMBER 2022.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 194.

3 PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 190

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM190:

AWAL IDRAKI HAIRUL BAHRI
(9 tahun)
Presint 9, Putrajaya


PUTERI LYANA ISKANDAR
(12 tahun)
Batu Caves, Selangor

ALIF HAIQAL PUTRA MOHD NOH
(10 tahun)
Wilayah Persekutuan Labuan



Karya Adik Adam Idraki

TEKA SILANG KATA SK192



MELINTANG

1. Penulis berita/rencana
6. Tidak rapat/kemas
8. Sejenis tumbuhan berbunga
11. Adat/peraturan

KE BAWAH

1. Perempuan gagah berani
2. Pondok di atas pokok
3. Fikiran/renungan
4. Layak menerima zakat
5. Kawasan dengan kerajaan sendiri
7. Melicin/menghaluskan
9. Seperti
10. Memohon kepada Tuhan

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....
.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK192".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 3 DISEMBER 2022.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 194.

3 PENYERTAAN PALING TEPAT DAN
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:
YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

**BaKaT CiLiK**

Hantarkan video bakat anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.
E-melkan kepada: wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK190:

FAUZIAH SAID
(44 tahun)
Bukit Rotan, Selangor

AHMAD BASRI MOHD AKHIR
(53 tahun)
Jalan Gombak, Kuala Lumpur

NORDIANA ABDUL MANAN
(31 tahun)
Presint 14, Putrajaya

Rasai pengalaman canting batik di Teja Arts & Crafts



FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN
DIANA AMIR

KUALA Lumpur bukan sahaja terkenal sebagai pusat pertembungan budaya malah ia juga menghimpunkan pelbagai tempat menarik untuk dilawati oleh pelancong dari dalam maupun luar negara.

Salah satu tarikan lokasi yang menarik serta kaya dengan seni tradisi adalah Teja Arts & Crafts atau dikenali sebagai Teja Studio yang terletak di Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC), Jalan Ampang.

Popular sebagai bengkel mencanting dan mewarna batik di tengah bandar metropolitan, lokasi ini wajib dimasukkan ke dalam *wish list* anda sekiranya ingin merasai pengalaman unik ini.

Berpeluang menjelaskan kaki ke sini, *Wilayahku* teruja melihat suasana kedai berkoncepcian *outdoor* dan estetik yang mana ia dikelilingi pokok serta tumbuh-tumbuhan yang melahirkan suasana damai.

Rata-rata pengunjung yang datang biasanya akan meluangkan masa selama satu jam setengah sehingga dua jam bagi melakukan aktiviti di Teja Arts & Crafts termasuk sesi fotografi bersama hasil kraf tangan yang dihasilkan.

Menurut Pengasasnya, **Muhammad Hafiz Sulaiman**, impak tular di media sosial *TikTok* membuatkan orang ramai tidak putus mengunjungi lokasi ini dan sekali gus mengetahui kewujudannya.

"Kita telah wujud sejak 2018 di Balai Seni Negara, seterusnya berpindah ke KL City Walk dan kini bertapak di MATIC. Lokasi yang berubah-ubah membuatkan ramai yang tak tahu mengenai kewujudan kami di sini."

"Seiring dengan perkembangan semasa, selepas tempoh pandemik baru-baru ini, kami cuba menarik pengunjung dengan memasukkan video pendek di *TikTok* dan *alhamdulillah* ia berhasil sehingga kami tidak menang tangan," ujarnya.



AIDA yang juga isteri kepada Muhammad Hafiz melakukan proses mencanting corak yang akan digunakan pengunjung semasa bengkel mewarna batik.

Tambahnya lagi, dek kerana itu, dia menggalakkan pengunjung untuk melakukan tempahan terlebih dahulu bagi memudahkan pihaknya menguruskan tempat duduk serta menerangkan perkhidmatan yang terdapat di Teja Arts & Crafts.

Katanya lagi, kawasan tersebut mampu memuatkan seramai 30 orang pada satu masa yang mana harga aktiviti yang ditawarkan bermula RM20 sehingga RM70 untuk seorang.

"Kini kita juga turut mempunyai harga promosi seperti 'combo couple bestie' iaitu RM50 untuk dua orang," ujarnya.

BENGKEL SENI DAN KRAFT

IA juga turut menawarkan khidmat bengkel seni yang menyediakan pelbagai corak batik secara rawak untuk dipilih oleh pengunjung yang ingin menghasilkan kraf tangan.

"Corak tersebut lebih moden seperti *floral*, fauna, abstrak dan geometri mengikut citarasa pengunjung dan dalam masa yang

sama kita akan memberi tunjuk ajar cara mewarna batik.

"Bagi bengkel mencanting batik pula, kita akan ajar dari awal bagaimana membuat batik, teknik yang betul dan pengunjung boleh membuat rekaan sendiri di atas fabrik kosong sama ada di bingkai atau di atas totebag," ujarnya menjelaskan ia antara usaha memperkenalkan batik Malaysia kepada golongan muda dan pelancong luar.

Pengunjung juga boleh mencipta kenangan dengan menghasilkan cenderamata sendiri di samping mempelajari proses pembuatan tersebut daripada pelukis seni (artisan) yang berpengalaman.

"Antara kraf tangan yang boleh dihasilkan adalah *tie-dye T-shirt*, resin dan *coaster*. Setiap produk dan karya yang dihasilkan boleh dibawa pulang untuk dijadikan kenangan," ujarnya. **W.K**



ANTARA alatan yang digunakan dalam bengkel mencanting dan mewarna batik.



Teja Arts & Crafts

Info lokasi : Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC), Jalan Ampang

Operasi: 10.30 pagi hingga 4.30 petang

Media sosial: *Instagram*, *TikTok* dan *Facebook*: @teja.kl

PPj rai 19 pemenang Eco Stories Writing Contest 2022



SABRINA SABRE

PERBADANAN Putrajaya (PPj) meraikan 19 peserta yang dinobatkan sebagai pemenang Program Eco Stories Writing Contest 2022 di Dewan Armada, Marina Putrajaya baru-baru ini.

Menurut Naib Presiden Jabatan Perancangan Bandar PPj, **Shamsul Bahri Rahmat**, pihaknya berkolaborasi bersama Youth Environment Living Labs (YELL), United Nations Development Programme (UNDP) dan United Nations Children's Fund (UNICEF) dalam menganjurkan program yang bertujuan mendidik pelajar sekolah menengah agar peka terhadap isu dan kesan perubahan iklim di persekitaran.

"Generasi muda merupakan 'agent of change' yang penting dalam menyokong Putrajaya ke arah sebuah bandar hijau rendah karbon. Program seperti ini perlu untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pelajar khususnya dalam pemeliharaan alam sekitar."

"Seramai 44 pelajar daripada sembilan sekolah menengah



SHAMSUL (dua kanan) menyampaikan hadiah kepada johan Eco Stories Writing Contest 2022 dalam kategori video essay, Tan Teng Xuan (tengah), pelajar Sekolah Antarabangsa Nexus Malaysia.

menyertai program ini. Daripada jumlah tersebut, 19 orang peserta telah diumumkan sebagai pemenang berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

"Para pelajar telah diberi bimbingan untuk menghasilkan 'eco stories' melalui dua kaedah iaitu secara 'photo essay' dan 'video essay'

di samping satu sesi bengkel dan dua sesi tutorial dalam talian secara percuma pada Oktober lalu," katanya dalam Majlis Penyampaian Hadiah Eco Stories Writing Contest 2022.

Sementara itu, Shamsul berkata lanjutan daripada sesi bimbingan tersebut, hasil pembelajaran para pelajar telah dinilai melalui

pertandingan penulisan 'eco stories' sama ada dalam format 'photo essay' atau 'video essay'.

"Untuk kategori 'photo essay', peserta diminta membuat penulisan ringkas terhad kepada 500 patah perkataan disertakan dengan gambar atau lukisan (illustration) manakala untuk 'video essay' pula

peserta perlu merekod video tidak melebihi empat minit disertai dengan teks penerangan ringkas video yang tidak lebih daripada 150 patah perkataan.

"Sebanyak 37 penyertaan 'eco stories' telah diterima oleh PPj. Hasil pertandingan ini juga dinilai dari aspek-aspek seperti *relevance, quality, creativity, identity and diversity*," ujarnya penyertaan adalah percuma.

Tambahnya, juara pertandingan membawa pulang wang tunai bernilai RM500; RM400 bagi naib juara, manakala tempat ketiga RM300 dan hadiah saguhati sebanyak RM100 selain masing-masing turut membawa pulang sijil pertandingan.

Dalam pada itu, PPj berharap jalinan kolaborasi ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang bagi menyokong hasrat kerajaan dalam mengekalkan Putrajaya sebuah bandar hijau rendah karbon.

Terdahulu, YELL diperkenalkan pada tahun 2020 merupakan platform untuk melatih golongan belia dalam aspek perubahan iklim serta pemeliharaan alam sekitar selaras dengan skop tumpuan ketujuh Bandar Hijau Putrajaya khasnya dalam meningkatkan pengetahuan dan kesedaran generasi muda terhadap isu perubahan iklim. **W.K**

Senaman Tabata percuma buat warga Putrajaya

SIHAT. Warga Putrajaya dan kawasan berhampiran dialu-alukan untuk menyertai Program Senaman Tabata: Fat To Fit @ Putrajaya bermula 26 November ini.

Program kesihatan ini adalah selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) iaitu SDGs, 3: *Good Health and Well Being* dan SDGs 11: *Sustainable Cities and Communities*.

Sesuai untuk semua lapisan, senaman untuk menguatkan otot ini diadakan secara

percuma pada setiap hari Selasa, Sabtu dan Ahad di lokasi berbeza iaitu di Dataran Putrajaya, Presint 3 (Selasa pukul 5.30 petang hingga 6.30 petang), Dataran Wawasan, Presint 3 (Sabtu pukul 8 pagi hingga 9 pagi), Taman Saujana Hijau, Presint 11 (Ahad pukul 8 pagi hingga 9 pagi).

Tabata merupakan senaman yang dapat meningkatkan kadar metabolisme serta mencapai tahap kecerdasan dalam jangka masa yang singkat. **W.K**

SENAMAN yang kelihatan ringkas tetapi melibatkan tahap intensiti yang tinggi. - Gambar hiasan



WELLNESS BAZAAR EVENT

Organized by:
Venue Sponsored by:

26 NOVEMBER 2022

10:00am - 5:00pm
(SATURDAY)

LOCATION
LEVEL UG, Boulevard
Menara Shaftsbury, Putrajaya

Lee Chong Wei sebagai idola

Jun Hao kejar gelaran pemain utama



SABRINA SABRE

KEJAYAAN bergelar antara pemain terbaik di rantau Asia tidak sesekali membuatkan atlet badminton perseorangan lelaki negara, **Leong Jun Hao**, 23, mendabik dada sebaliknya dia terus berazam untuk melakar kejayaan lebih unggul.

Bercerita tentang perkembangan terbaharunya, atlet Wilayah Persekutuan ini baru sahaja mencipta sensasi apabila meraih kejuaraan Siri Jelajah Dunia pertamanya di Kejohanan Badminton Masters Indonesia pada Oktober lalu.

"Kejayaan saya merangkul gelaran pertama siri Jelajah Dunia Persekutuan Badminton Dunia (BWF) di Malang, Indonesia baru-baru ini menjadi pembakar semangat untuk memberikan cabaran sengit dalam kem perseorangan lelaki negara

terutamanya Ng Tze Yong.

"Buat masa ini, saya mempergiatkan latihan mengejar gelaran sebagai pemain perseorangan utama negara. Selepas ini, cabaran pastinya akan menjadi lebih sukar tetapi saya tidak mahu memberikan tekanan, hanya ingin fokus kepada permainan," ujarnya.

Bekas juara remaja Asia 2017 yang pernah dihimpit beberapa siri kecederaan ini mengakui berasa lega dapat menamatkan kemarau kejuaraan selepas kali terakhir mengecap kejayaan antarabangsa pada Terbuka Finland pada Oktober lalu.

Dia yang berada di kedudukan ke-72 dunia itu berharap dapat memberikan persembahan terbaik pada Bahrain International Challenge

yang dijadual berlangsung pada 29 November hingga 4 Disember ini.

"Saya sedang berusaha mengumpul mata sebanyak mungkin sekali gus mengakhiri musim 2022 di ranking lebih tinggi. Apa pun saya tetap akan kekal fokus dalam latihan. Dengan bimbingan jurulatih, saya pasti mampu membuat persiapan yang terbaik," ujarnya.

Bercerita lanjut tentang penglibatannya dalam dunia badminton, anak sulung daripada dua orang adik-beradik ini berkata lagenda badminton negara, Datuk Lee Chong Wei adalah idolanya selama ini.

"Beliau merupakan seorang pemain yang hebat dan disegani. Saya menyaksikan setiap perlawanannya sejak saya kecil lagi termasuklah ketika aksi final Olimpik Beijing



JUN HAO



Pencapaian Leong Jun Hao

2022 - Master Indonesia Super 100 - Emas

2022 - Sukan Malaysia - Perak

2022 - Asian Team Championships - Emas

2018 - Siri Antarabangsa BWF Terbuka Finland - Emas

2008. Apa yang dilakukannya sangat luar biasa.

"Saya percaya suatu hari nanti boleh menjadi seperti beliau namun ia bukan mudah kerana memerlukan usaha, kerja keras dan disiplin yang tinggi memandangkan perjalanan karier saya masih jauh," ujar atlet kelahiran Setapak, Kuala Lumpur ini. WK

BAM buka pintu kepada pemain profesional berlatih di ABM, Bukit Kiara

PERSATUAN Badminton Malaysia (BAM) kini membuka pintu kepada pemain profesional menjalani sesi latihan mingguan bersama pemain kebangsaan di Akademi Badminton Malaysia (ABM) Bukit Kiara, di sini.

BAM memaklumkan bahawa sesi itu akan memberikan manfaat bersama kepada enjin proaktif pasukan kebangsaan - skuad senior dan pemain profesional kerana sesi 'sparring' (rakan sepelatih) adalah komponen penting dan perlu dalam latihan mereka.

Menurut BAM, sesi latihan bersama ini akan membantu meningkatkan semangat keakraban antara pemain dan pegawai khususnya apabila mereka mewakili negara dalam pertandingan berpasukan.

BAM mencadangkan sesi latihan tersebut untuk pemain perseorangan

dan beregu pada waktu pagi hari Rabu manakala sesi kedua untuk pemain beregu akan berlangsung pada hari Jumaat.

"Pemain dalam ranking kelompok 50 utama Persekutuan Badminton Dunia (BWF) untuk pemain perseorangan dan ranking dunia dalam kelompok 30 utama acara beregu layak mengikuti sesi latihan manakala lima pemain terbaik negara juga dipertimbangkan."

"Jurulatih juga dibenarkan mengiringi pemain masing-masing semasa sesi latihan di gelanggang," menurut kenyataan BAM itu.

Pemain profesional berminat menyertai sesi latihan di ABM perlu menghubungi Pengarah Kejurulatihan BAM sebelum hari Isnin pada minggu berkenaan, justeru BAM berharap pemain profesional akan menerima tawaran tersebut. - BERNAMA



SESI latihan di ABM membantu meningkatkan semangat keakraban antara pemain dan pegawai.

28 atlet muay thai meriahkan KL International Fight

SEBANYAK 28 atlet dari 10 negara bakal berentap pada Kejohanan Muay Thai Kuala Lumpur (KL) International Fight di Stadium Nasional Bukit Jalil, pada 3 dan 4 Disember ini.

Menurut pengajur, acara mega yang pertama di Malaysia itu turut menyaksikan barisan atlet muay thai terkemuka seperti Sudsakorn Nor Klimnee dan Yod Pitee dari Thailand, Izat Zaki (Malaysia), Hossein Karami (Iran) dan Thomas Van Nijnen (Perancis) berentap dalam 14 pertarungan.

"Ini adalah platform terbesar buat atlet muay thai Malaysia dan juga negara lain untuk diiktiraf di peringkat antarabangsa dan bersaing dengan juara-juara dari negara lain," katanya.

Menurut pengajur, selain muay thai, turut dianjurkan pelbagai aktiviti



KWP pantau pelaksanaan projek terowong TRXC

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) menjadi peneraju utama memantau perkembangan semasa setiap projek yang sedang diselenggarakan di sekitar Wilayah Persekutuan.

Tindakan tersebut diambil untuk memastikan setiap projek berjalan lancar mengikut tempoh pelaksanaan yang telah ditetapkan selain melaikan sebarang permasalahan yang dihadapi sepanjang projek tersebut dijalankan.

Baru-baru ini, Setiausaha Bahagian Pengurusan Pembangunan KWP, Datuk Nor Muhamad Che dan @ Che Din turun padang meninjau tapak projek pembinaan sebahagian terowong keluar masuk yang menghubungkan pembangunan Tun Razak Exchange (TRXC) dengan Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Sesi tinjauan yang diadakan pada 22 November itu turut melibatkan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), wakil TRXC dan Tetuan GTS. **WK**



NOR MUHAMAD (dua dari kiri) meninjau projek pembinaan laluan terowong keluar masuk pembangunan TRXC, Kuala Lumpur Selasa lalu.



SESI pemantauan penting bagi memastikan projek TRXC berjalan lancar.

Jamal, Wany suntik nafas baharu dalam Bakawali

DEEL ANJER

LAGU Bakawali yang pernah popular suatu ketika dahulu kembali dinyanyikan semula oleh pasangan duet **Datuk Jamal Adibullah** dan **Wany Hasrita**.

Diberi nafas baharu, lagu tersebut merupakan single duet ketiga bagi pasangan ini selepas Belenggu Rindu dan Kucuma.

Pada awalnya, Jamal bimbang jika tidak dapat mengatasi atau menyamai lagu Bakawali yang pernah dirakam penyanyi asal iaitu Syura dan Siti Nordiana.

"Tetapi apabila difikirkan semula, versi kali ini agak berbeza dengan yang asal kerana

versi sebelum ini duet dua penyanyi wanita, jadi saya terima dan gunakan kelebihan yang ada untuk mewarnai lagu ini sebaik mungkin.

"Saya ambil cabaran menyanyikan semula lagu ini dengan tekad untuk memberi hasil yang terbaik bukan sekadar suam-suam kuku sahaja," ujar beliau.

Bercakap tentang Wany Hasrita, Jamal berkata beliau senang berkerjasama dengan Wany yang merupakan penyanyi berbakat dan mempunyai pengetahuan dalam lengkok serta patah lagu tradisional.

Menurut Wany pula, menyanyikan semula lagu tradisional Bakawali bersama Jamal membuktikan mereka mahu anak-anak muda menyukai genre tersebut.

"Ini salah satu cara saya menyumbang

SERAMAI 47 Ketua Isi Rumah (KIR) yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah B40 di Labuan telah menerima manfaat melalui Program Basmal Miskin Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) yang membabitkan peruntukan sebanyak RM577,535.

Jabatan Pelaburan dan Sosioekonomi Perbadanan Labuan (PL) dalam kenyataan berkata kesemua KIR telah menerima bantuan tersebut bermula awal September sehingga 11 November lalu.

"Antara barang bantuan yang telah diserahkan adalah bantuan peralatan perniagaan, alatan fertigasi pertanian dan peralatan seperti perahu dan enjin.

"Kesemua penerima bantuan ini adalah mereka yang tersenarai sebagai pemohon e-Kasih dan bantuan itu diserahkan berdasar-

kan daripada pendapatan isi dan pekerjaan KIR.

"Bantuan ini adalah bertujuan untuk membantu mereka daripada keluarga miskin tegar agar keluar daripada kepompong kemiskinan dengan cara membantu mereka dengan mencadangkan projek atau program yang sesuai dilaksanakan berdasarkan keperluan mereka," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Mengulas lanjut, kenyataan itu turut memaklumkan pemantauan terhadap prestasi penerima bantuan itu akan dilaksanakan bermula awal tahun hadapan.

Sehubungan itu, katanya, PL berharap kesemua penerima bantuan mengambil manfaat yang telah diberikan oleh kerajaan supaya membantu meningkatkan ekonomi sekali gus mengeluarkan mereka dari jurang kemiskinan. **WK**



Jamal, Wany suntik nafas baharu dalam Bakawali

DEEL ANJER

LAGU Bakawali yang pernah popular suatu ketika dahulu kembali dinyanyikan semula oleh pasangan duet **Datuk Jamal Adibullah** dan **Wany Hasrita**.

Diberi nafas baharu, lagu tersebut merupakan single duet ketiga bagi pasangan ini selepas Belenggu Rindu dan Kucuma.

Pada awalnya, Jamal bimbang jika tidak dapat mengatasi atau menyamai lagu Bakawali yang pernah dirakam penyanyi asal iaitu Syura dan Siti Nordiana.

"Tetapi apabila difikirkan semula, versi kali ini agak berbeza dengan yang asal kerana

versi sebelum ini duet dua penyanyi wanita, jadi saya terima dan gunakan kelebihan yang ada untuk mewarnai lagu ini sebaik mungkin.

"Saya ambil cabaran menyanyikan semula lagu ini dengan tekad untuk memberi hasil yang terbaik bukan sekadar suam-suam kuku sahaja," ujar beliau.

Bercakap tentang Wany Hasrita, Jamal berkata beliau senang berkerjasama dengan Wany yang merupakan penyanyi berbakat dan mempunyai pengetahuan dalam lengkok serta patah lagu tradisional.

Menurut Wany pula, menyanyikan semula lagu tradisional Bakawali bersama Jamal membuktikan mereka mahu anak-anak muda menyukai genre tersebut.

"Ini salah satu cara saya menyumbang

dan membantu mengekalkan irama tradisional di samping saya memang suka menyanyikan lagu berentak Melayu dan tradisional.

"Peluang merakamkan kembali lagu ini merupakan satu cara menguji kemampuan diri. Semua orang sudah tahu lagu Bakawali ini pernah dinyanyikan dengan baik oleh penyanyi asal.

"Apabila dinyanyikan semula tentunya ramai yang tidak sabar menanti hasilnya adakah lebih baik atau sebaliknya," ujarnya bersyukur dapat berduet dengan seorang penyanyi yang dianggap sebagai sifu.

WK

